



BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Buletin Suku Tahunan

BNM

Vol. 36 No. 2

Suku Kedua 2021


S2



BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Buletin Suku Tahunan BNM memberikan penilaian suku tahunan mengenai perkembangan ekonomi, monetari dan kewangan Malaysia. Penilaian ini termasuk penilaian mutakhir oleh Bank Negara Malaysia berhubung dengan hala tuju ekonomi pada masa hadapan. Buletin ini juga memberikan pemahaman tentang isu ekonomi dan kewangan semasa, termasuk sorotan penting berkaitan dengan inisiatif dasar yang dilaksanakan oleh Bank Negara Malaysia dalam memenuhi mandatnya.

Halaman sengaja dikosongkan.



Kandungan


- MS 5** Sorotan Penting
- MS 7** Persekitaran Ekonomi Antarabangsa
- MS 11** Perkembangan Ekonomi Malaysia
- MS 27** *Rencana: Kekurangan Bekalan Cip Global: Implikasi dan Peluang untuk Malaysia*
- MS 37** Perkembangan Monetari dan Kewangan
- MS 43** Pertimbangan Dasar oleh Bank Negara Malaysia
- MS 47** Tinjauan Makroekonomi
- MS 53** Tambahan

Halaman sengaja dikosongkan.

Sorotan Penting: S2 2021


Pertumbuhan GDP berubah positif, manakala inflasi keseluruhan melonjak sementara pada S2 2021

Pertumbuhan disokong oleh permintaan dalam negeri yang bertambah baik dan prestasi eksport yang kukuh



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Inflasi keseluruhan meningkat, didorong terutamanya oleh kesan asas daripada harga bahan api yang rendah




* Pengiraan inflasi teras tidak termasuk barangan yang harganya tidak menentu dan barangan yang harganya ditadbir

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Perdagangan luar negeri terus bertambah baik, manakala aktiviti dalam negeri menjadi sederhana menjelang akhir S2 2021 berikutan pelaksanaan langkah-langkah pembendungan yang lebih ketat

Penunjuk Ekonomi Utama




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, Bank Negara Malaysia, IHS Markit dan Tenaga Nasional Berhad

Sorotan Penting: S2 2021

Di dalam negeri, kadar pemberian vaksin yang pesat bersama-sama dengan permintaan terhadap kapasiti penjagaan kesihatan yang berkurang akan meningkatkan prestasi ekonomi

Kadar pemberian vaksin yang cepat dan penggunaan ICU yang lebih rendah akan membolehkan langkah-langkah pembendungan dilonggarkan dengan segera

Penggunaan ICU dan Kadar Pemberian Vaksin Mengikut Negeri



¹ Merujuk bahagian kepada KDNK pada tahun 2020

Nota: Penggunaan ICU dan kadar pemberian vaksin merujuk purata 7 hari antara 3 hingga 9 Ogos 2021

Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia, Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis dan Jabatan Perangkaan Malaysia

Prinsip Andaian Peralihan Berfasa

Penggunaan ICU semasa	Kepantasan kadar pemberian vaksin semasa	Andaian hala tuju peralihan
Rendah	Cepat	Peralihan yang lebih cepat ke Fasa 4
Rendah	Perlahan	Tempoh peralihan ke fasa-fasa berikutnya akan menjadi lebih pendek seiring dengan peningkatan kadar pemberian vaksin
Tinggi	Cepat	1. Peralihan secara berperingkat ke fasa seterusnya seiring dengan pengurangan penggunaan ICU 2. Tempoh peralihan ke fasa-fasa berikutnya akan menjadi lebih pantas seiring dengan kemajuan pemberian vaksin
Tinggi	Perlahan	

Bagi andaian dasar, semua negeri dijangka beralih ke Fasa 3 menjelang bulan Oktober 2021 dan Fasa 4 menjelang bulan November 2021

Ketidakpastian berhubung dengan evolusi pandemik dan langkah-langkah pembendungan akan menjejaskan trajektori pertumbuhan



Persekitaran Ekonomi Antarabangsa

Sorotan


- Pertumbuhan global meningkat pada suku kedua tahun 2021.
- Pemulihan eksport serantau bertambah pesat.
- Volatiliti pasaran kewangan mereda.

Pertumbuhan global bertambah kukuh

Ekonomi global terus meningkat pada suku kedua 2021. Walau bagaimanapun, pertumbuhan adalah tidak sekata merentas ekonomi maju dan ekonomi sedang pesat membangun. Dalam kebanyakan ekonomi maju, pertumbuhan yang lebih pantas adalah menyeluruh dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan, disebabkan oleh kadar pemberian vaksin yang lebih tinggi yang telah membantu untuk melonggarkan langkah-langkah pembendungan. Sebaliknya, banyak ekonomi sedang pesat membangun terus mengalami gangguan disebabkan oleh langkah-langkah pembendungan bagi mengekang risiko COVID-19 yang berterusan. Hal ini telah memperlahankan kegiatan ekonomi meskipun keadaan permintaan luaran bertambah baik. Selain RR China, peningkatan pertumbuhan tahunan pada

R1 Pertumbuhan KDNK Ekonomi Terpilih

Perubahan tahun ke tahun (%)



Sumber: Pihak berkuasa negara

suku kedua juga sebahagiannya disebabkan oleh kesan asas yang rendah akibat sekatan pergerakan di seluruh dunia pada tempoh yang sama tahun lepas.

Ekonomi AS berkembang pesat sebanyak 12.2% pada suku kedua (S1 2021: 0.5%). Penggunaan swasta menjadi pemacu utama, dibantu oleh sokongan fiskal dan peningkatan keadaan pasaran kerja yang stabil. Langkah-langkah pembendungan yang semakin longgar turut menyumbang kepada pemulihan ini.

Pertumbuhan di kawasan euro juga meningkat kepada 13.7% (S1 2021: -1.3%), didorong oleh peningkatan aktiviti dalam dan luar negeri. Pemberian vaksin yang meningkat di ekonomi kawasan euro membolehkan langkah-langkah pembendungan dilonggarkan, lantas memberikan manfaat terutamanya kepada perkhidmatan berorientasikan dalam negeri. Pertumbuhan turut disokong oleh aktiviti pengilangan dan perdagangan yang terus kukuh.

Pertumbuhan di RR China kembali normal kepada 7.9% (S1 2021: 18.3%). China mengalami pertumbuhan eksport yang terus kukuh dan pemulihan permintaan dalam negeri yang stabil, disokong oleh pembiayaan yang mengembang.


Eksport serantau meningkat dengan ketara

Eksport di kebanyakan ekonomi serantau mengalami peningkatan pada suku kedua. Meskipun peningkatan ini sebahagiannya disebabkan oleh asas yang lebih rendah pada suku yang sama tahun lalu, eksport juga disokong oleh permintaan luaran yang terus kukuh, terutamanya produk elektrik dan elektronik (*electrical and electronics*, E&E), serta kenaikan harga komoditi yang menguntungkan pengeksporth komoditi. Walaupun China dan Hong Kong SAR terus mengalami pertumbuhan eksport yang tinggi pada suku kedua tahun 2021, pertumbuhan itu lebih rendah berbanding dengan suku sebelumnya kerana pertumbuhan kembali normal daripada kesan asas yang rendah pada suku pertama.

R2

Pertumbuhan Eksport Ekonomi Terpilih


Perubahan tahun ke tahun (%)



Sumber: Pihak berkuasa negara



Indeks



Sumber: Bloomberg

Volatiliti pasaran kewangan mereda

Volatiliti pasaran kewangan menurun pada suku kedua, dengan indeks CBOE VIX berpurata 18.1, tetapi kekal melebihi paras sebelum pandemik (S1 2021: 23.2; Jan-Feb 2020: 15.0). Keadaan yang bertambah baik ini disokong oleh prospek pertumbuhan yang meningkat di beberapa ekonomi maju utama. Namun begitu, beberapa lonjakan dalam volatiliti diperhatikan semasa pengumuman data inflasi AS pada bulan Mei dan juga selepas mesyuarat Federal Open Market Committee, apabila para pelabur menilai semula jangkaan masa dasar monetari AS kembali ke paras yang wajar. Selain itu, sentimen pelabur terjejas akibat penularan varian baharu COVID-19

yang boleh memberikan kesan buruk kepada pemulihan ekonomi global.

Purata harga minyak mentah Brent meningkat kepada USD69 setong pada suku kedua 2021 (purata S1 2021: USD61 setong). Meskipun berlaku peningkatan semula kes COVID-19 di beberapa kawasan, kenaikan harga minyak disokong oleh pertumbuhan ekonomi global yang bertambah baik, peningkatan kadar pemberian vaksin dan pelonggaran langkah-langkah sekatan pergerakan secara berperingkat, terutamanya di negara-negara maju. Harga minyak turut disokong oleh keadaan bekalan minyak global yang ketat berikutan pengurangan pengeluaran oleh OPEC+ yang berterusan dan peningkatan yang sederhana dalam pengeluaran minyak syal dari AS.

Halaman sengaja dikosongkan.

Perkembangan Ekonomi Malaysia

Sorotan


- Pertumbuhan KDNK terus meningkat pada S2 2021.
- Inflasi keseluruhan meningkat kepada 4.1% pada suku kedua tahun 2021, dipacu terutamanya oleh kesan asas daripada harga bahan api yang rendah.
- Lebih akaun semasa lebih tinggi sebanyak RM14.4 bilion atau 3.9% daripada KDNK.

Pertumbuhan KDNK berubah positif pada S2 2021

Ekonomi Malaysia berkembang sebanyak 16.1% pada suku kedua tahun 2021 (S1 2021: -0.5%). Pertumbuhan disokong terutamanya oleh peningkatan permintaan dalam negeri dan prestasi eksport yang terus kukuh. Pertumbuhan yang mantap ini turut mencerminkan sokongan dasar yang berterusan dan asas rendah daripada penurunan aktiviti yang ketara pada suku kedua tahun 2020. Kegiatan ekonomi meningkat pada permulaan suku kedua tahun 2021 tetapi menjadi perlahan berikutan pelaksanaan semula langkah-langkah pembendungan yang lebih ketat di seluruh negara, khususnya di bawah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) penuh Fasa 1. Pada keseluruhan suku kedua tahun 2021, semua sektor ekonomi mencatatkan peningkatan, khususnya sektor perkilangan. Dari segi perbelanjaan, pertumbuhan dipacu oleh perbelanjaan sektor swasta yang lebih tinggi dan aktiviti perdagangan yang kukuh. Pada asas suku tahunan terlaras secara bermusim, ekonomi mencatatkan penurunan sebanyak 2.0% (S1 2021: 2.7%), disebabkan oleh langkah-langkah pembendungan.

R4 Pertumbuhan KDNK Benar

Perubahan dalam tempoh (%)




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

R5

Pertumbuhan tahunan KDNK Benar Mengikut Sektor Ekonomi

Pertumbuhan tahunan (%)




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

R6

Sumbangan Sektor Ekonomi kepada Pertumbuhan KDNK Benar

Sumbangan kepada pertumbuhan (mata peratusan)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pertumbuhan kebanyakan sektor ekonomi meningkat

Dari segi sektor, pertumbuhan dua digit dicatatkan merentas kebanyakan sektor ekonomi pada suku kedua tahun 2021. Sektor perkhidmatan berkembang sebanyak 13.4% (S1 2020: -2.3%). Pertumbuhan disokong oleh aktiviti berkaitan pengguna yang mula pulih pada bulan April dan Mei 2021. Walau bagaimanapun, keadaan ini sebahagiannya kembali terjejas dengan pelaksanaan semula sekatan terhadap aktiviti runcit yang bukan keperluan (non-essential retail) dan sekatan untuk makan di premis penjualan makanan serta perjalanan rentas daerah dan rentas negeri. Sementara itu, subsektor maklumat dan komunikasi terus mendapat manfaat daripada permintaan yang meningkat terhadap aktiviti e-perdagangan dan e-pembayaran, serta pengaturan bekerja dan belajar dari jarak jauh. Selain itu, pertumbuhan dua digit yang kukuh dicatatkan dalam subsektor kewangan dan insurans, disebabkan oleh pendapatan fi yang lebih tinggi, pertumbuhan pinjaman dan deposit yang mampan, serta premium insurans bersih yang lebih tinggi selepas ditolak tuntutan.

Pertumbuhan dalam sektor perkilangan berkembang sebanyak 26.6% (S1 2021: 6.6%). Walau bagaimanapun, pada asas suku tahunan terlaras secara bermusim, pertumbuhan perkilangan menurun sebanyak 1.5%. Keadaan ini disebabkan oleh pelaksanaan PKP 3.0 yang menjejaskan permintaan dalam negeri bagi barangan dalam kelompok berkaitan pengguna dan pembinaan. Keadaan permintaan bagi industri berorientasikan eksport kekal berdaya tahan dalam keadaan peningkatan kitaran teknologi global yang berterusan dan pemulihan dalam pertumbuhan global. Pertumbuhan perkilangan terus terjejas oleh pelaksanaan PKP

penuh Fasa 1 yang mengehadkan operasi hanya kepada sektor perlu dan sektor dalam rantai nilai global.

Sektor pembinaan mencatatkan pertumbuhan positif yang kukuh sebanyak 40.3% (S1 2021: -10.4%). Pertumbuhan ini disokong oleh kerja pembinaan yang terus dijalankan bagi projek infrastruktur besar dan pelaksanaan projek berskala kecil yang sedang dijalankan secara berterusan di bawah Belanjawan 2021 serta pakej rangsangan PEMERKASA dan PEMERKASA+. Walau bagaimanapun, pada asas suku tahunan terlaras secara bermusim, pertumbuhan pembinaan menurun sebanyak 3.2%. Aktiviti diganggu oleh sekatan di bawah PKP Penuh Fasa 1 apabila hanya projek pembinaan perlu¹ sahaja dibenarkan beroperasi pada kapasiti yang berkurang.

Pertumbuhan dalam sektor perlombongan meningkat semula kepada 13.9% (S1 2021: -5.0%), iaitu pertumbuhan positif yang pertama sejak suku kedua tahun 2019. Pemulihan ini disebabkan oleh peningkatan dalam pengeluaran minyak mentah dan gas asli dalam keadaan pemulihan permintaan luaran dan peningkatan pengeluaran yang berterusan di loji PETRONAS Floating Liquefied Natural Gas DUA (PFLNG2). Faktor-faktor tersebut lebih daripada mengimbangi kesan penutupan beberapa loji untuk tujuan penyelenggaraan pada suku kedua tahun 2021.


Walaupun bagaimanapun, sektor pertanian menguncup sebanyak 1.5% (S1 2021: 0.2%). Penguncupan ini disebabkan terutamanya oleh penurunan pengeluaran minyak sawit yang lebih besar apabila aktiviti penuaian terjejas akibat kekurangan pekerja yang berterusan. Sementara subsektor perhutanan dan pembalakan juga menurun, aktiviti pertanian sebahagiannya disokong oleh pemulihan dalam subsektor getah dan perikanan. Selain itu, subsektor ternakan dan pertanian lain terus mencatatkan pertumbuhan positif dalam keadaan permintaan dalam negeri yang bertambah baik.

¹ Aktiviti yang dibenarkan beroperasi termasuk kerja penyelenggaraan dan pembaikan yang kritikal, projek infrastruktur awam serta projek yang mendapat kelulusan penginapan pekerja di tapak projek.

R7

Pertumbuhan Tahunan KDNK Mengikut Komponen Perbelanjaan

Pertumbuhan tahunan (%)




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

R8

Sumbangan Komponen Perbelanjaan kepada Pertumbuhan KDNK Benar

Sumbangan kepada pertumbuhan (mata peratusan)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Permintaan dalam negeri meningkat dan permintaan luaran kukuh

Permintaan dalam negeri pulih untuk mencatatkan pertumbuhan positif sebanyak 12.3% (S1 2021: -1.0%) pada suku kedua tahun 2021, disokong terutamanya oleh perbelanjaan sektor swasta. Dalam sektor luaran, permintaan bagi eksport Malaysia, khususnya barangan E&E, terus kekal kukuh.

Pertumbuhan penggunaan swasta meningkat sebanyak 11.6% pada suku kedua tahun 2021 (S1 2021: -1.5%), berikutan peningkatan yang menyeluruh bagi barangan keperluan dan barangan budi bicara, khususnya pada permulaan

suku kedua tahun 2021, sebelum pelaksanaan PKP penuh. Keadaan ini disebabkan terutamanya oleh langkah-langkah pembendungan dan sekatan pergerakan yang kurang ketat pada separuh pertama suku kedua tahun 2021. Keadaan pasaran pekerja turut menunjukkan tanda-tanda peningkatan pada tempoh yang sama lantas memberikan sokongan kepada perbelanjaan isi rumah. Selain itu, pelbagai langkah dasar, termasuk pengeluaran i-Sinar KWSP dan Bantuan Prihatin Rakyat, memberikan dorongan tambahan kepada perbelanjaan pengguna.

Penggunaan awam berkembang sebanyak 9.0% (S1 2021: 5.9%), disebabkan terutamanya oleh perbelanjaan yang lebih tinggi bagi bekalan dan perkhidmatan.

Aktiviti pelaburan meningkat semula

Pembentukan modal tetap kasar (PMTK) meningkat semula kepada 16.5% (S1 2021: -3.3%), disokong oleh perbelanjaan modal sektor swasta dan sektor awam yang kembali pulih. Dari segi jenis aset, pelaburan untuk struktur dan jentera dan kelengkapan masing-masing berkembang sebanyak 20.2% (S1 2021: -10.4%) dan 15.1% (S1 2021: 10.3%).

Pelaburan swasta mencatatkan pertumbuhan sebanyak 17.4% (S1 2021: 1.3%). Aktiviti pelaburan yang lebih tinggi ini disokong terutamanya oleh perbelanjaan modal yang berterusan dalam kelengkapan berkaitan telekomunikasi, disebabkan oleh peningkatan usaha syarikat


dalam penggunaan automasi dan digital, serta kemajuan yang berterusan dalam pelaburan infrastruktur digital kebangsaan. Selain itu, perkembangan yang berterusan bagi projek pelaburan baharu dan projek yang sedang dilaksanakan berikutan keadaan permintaan luaran yang meningkat, khususnya dalam industri berorientasikan eksport seperti E&E dan logam, turut memberikan dorongan yang berterusan kepada pertumbuhan.

Selepas menguncup selama 12 suku tahunan, pelaburan awam mencatatkan pertumbuhan positif sebanyak 12.0% (S1 2021: -18.6%). Prestasi ini mencerminkan perbelanjaan aset tetap yang lebih tinggi oleh Kerajaan Am dalam keadaan perbelanjaan modal oleh syarikat awam yang kekal lemah.

R9

Pertumbuhan PMTK Mengikut Jenis Aset

Perubahan tahun ke tahun (%)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Inflasi keseluruhan melonjak sementara pada suku kedua tahun 2021

Inflasi keseluruhan, seperti yang diukur oleh perubahan peratusan tahunan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP), mencatatkan peningkatan yang mendadak kepada 4.1% pada suku kedua tahun 2021 (S1 2021: +0.5%), dipacu terutamanya oleh faktor-faktor sementara. Seperti yang dijangka, inflasi keseluruhan khususnya meningkat disebabkan terutamanya oleh kesan asas daripada harga runcit bahan api dalam negeri yang rendah pada tahun 2020, serta luputnya kesan rebat tarif elektrik bertingkat.²


Dari segi trajektori bulanan, inflasi keseluruhan memuncak pada 4.7% pada bulan April 2021.³ Selepas itu, inflasi keseluruhan kekal tinggi pada suku kedua tahun 2021, tetapi menjadi lebih sederhana, masing-masing sebanyak 4.4% dan 3.4% pada bulan Mei dan Jun 2021.

Meskipun inflasi keseluruhan meningkat, namun tekanan menaik terhadap harga pada suku kedua tahun 2021 tidak menyeluruh, apabila bahagian bagi barangan IHP yang mencatatkan kenaikan harga bulan ke bulan pada keseluruhannya adalah lebih rendah daripada purata jangka panjang (purata S2 2021: 36%; purata tahun 2010-2019: 45%).

R10

Sumbangan kepada Inflasi Keseluruhan Mengikut Komponen

Perubahan tahunan (%), Sumbangan kepada inflasi keseluruhan (mata peratusan, mp)




* Pengiraan inflasi teras tidak termasuk barangan yang harganya tidak menentu dan barangan yang harganya ditadbir. Pengiraan juga tidak termasuk anggaran kesan langsung perubahan dasar cukai penggunaan.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

² Rebate tarif elektrik bertingkat dilaksanakan di bawah Skim Bantuan Prihatin Elektrik dari bulan April hingga Disember 2020, dengan rebat daripada 2% hingga 50% bergantung pada penggunaan elektrik bulanan.

³ Perkara ini selaras dengan kesan asas yang terbesar daripada inflasi bahan api pada bulan April 2021, dengan mengambil kira paras terendah harga runcit bahan api pada bulan April 2020. Harga purata RON95 pada bulan April 2020: RM1.27 setong (bulan April 2021: RM2.05 setong)

Peratusan barangan IHP (%)



* Berdasarkan inflasi bulan ke bulan bagi 125 barangan IHP pada aras 4 digit

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Yang ketara, bahagian dalam barangan IHP yang lebih besar mencatatkan pergerakan harga yang tidak berubah (purata S2 2021: 50%; purata tahun 2010-2019: 33%), terutama sekali menjelang akhir suku kedua tahun 2021, disebabkan terutamanya oleh penutupan sementara perniagaan dan ketidakpastian dalam permintaan susulan daripada pelaksanaan semula sekatan pergerakan. Lebih

khusus lagi, pergerakan harga bagi barangan budi bicara teras (*core discretionary items*) (27.9% daripada bakul IHP) meskipun positif pada suku kedua secara keseluruhan, menjadi lebih lembap pada tempoh PKP penuh. Selaras dengan keadaan ini, inflasi teras kekal stabil pada 0.7% pada suku kedua tahun 2021 (S1 2021: 0.7%).

Pemulihan pasaran pekerja terjejas disebabkan oleh PKP penuh

Dalam pasaran pekerja, keadaan yang bertambah baik pada separuh pertama suku kedua tahun 2021 terjejas disebabkan oleh pelaksanaan PKP penuh pada bulan Jun. Pada keseluruhan suku kedua tahun 2021, kadar pengangguran kekal tinggi pada 4.8% (S1 2021: 4.8%). Keadaan ini mencerminkan penurunan guna tenaga bersih sebanyak 29 ribu orang relatif kepada suku tahun sebelumnya (S1 2021: +75 ribu orang), dalam keadaan tenaga kerja yang lebih kecil (-36 ribu orang; S1 2021: +86 ribu orang).

Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) mencatatkan tuntutan pengangguran yang lebih rendah (14,311 orang; S1 2021: 20,418 orang), berikutan kadar penempatan yang lebih tinggi bagi pekerja dalam pekerjaan baharu (40 bagi setiap 100 orang yang hilang pekerjaan ; S1 2021: 33)⁴. Hal ini mencerminkan pemberhentian pekerja yang lebih


rendah dan peningkatan aktiviti pengambilan pekerja baharu pada bulan April dan Mei. Namun demikian, terdapat kemerosotan dalam kadar pemberhentian pekerja dan aktiviti pengambilan pekerja baharu pada bulan Jun.

Upah sektor swasta meningkat sebanyak 2.4% (S1 2021: -2.2%), disebabkan terutamanya oleh asas yang secara relatif rendah pada suku kedua tahun 2020. Dalam sektor perkhidmatan, upah meningkat sebanyak 0.4% (S1 2021: -3.1%), dipacu oleh peningkatan dalam subsektor pengangkutan dan penyimpanan serta perdagangan borong dan runcit. Dalam sektor perkilangan, pertumbuhan upah juga lebih tinggi pada 6.0% (S1 2021: -0.6%), disebabkan oleh peningkatan keseluruhan upah dalam subsektor berorientasikan eksport⁵ dan subsektor berorientasikan dalam negeri. Walau bagaimanapun, pada asas suku tahunan, upah sektor swasta menurun sebanyak 2.2%, mencerminkan kesan sekatan terhadap operasi dan kapasiti tenaga kerja.

R12

Kadar Pertumbuhan Guna Tenaga dan Upah

Perubahan tahun ke tahun (%)




Nota: Kadar pertumbuhan gaji sektor swasta merujuk kepada kadar pertumbuhan gaji pekerja dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

⁴ Kehilangan pekerjaan dan pemberhentian pekerja diwakili oleh jumlah individu yang memohon manfaat SIP akibat diberhentikan kerja (tuntutan pengangguran) berikutan kehilangan pekerjaan. Kadar penempatan pekerjaan pula merujuk jumlah individu yang ditempatkan dalam pekerjaan baharu di bawah program SIP bagi setiap 100 orang yang diberhentikan kerja. Oleh itu, kadar penempatan pekerjaan menunjukkan kadar pengambilan pekerja yang relatif dengan aktiviti pemberhentian pekerja. Data SIP tidak termasuk pekerja bukan standard yang mungkin terjejas dengan lebih ketara oleh sekatan pergerakan.


⁵ Subsektor perkilangan berorientasikan eksport termasuk barangan elektrik dan elektronik; petroleum, kimia, getah dan plastik; barangan kayu, perabot, keluaran kertas dan percetakan; dan tekstil, pakaian, kulit dan kasut. Subsektor perkilangan berorientasikan dalam negeri termasuk makanan, minuman dan tembakau; barangan mineral bukan logam, logam asas dan keluaran logam yang direka; serta kelengkapan pengangkutan dan keluaran lain.



Nota: Tuntutan hilang pekerjaan merujuk kepada bilangan penganggur yang memohon elaun dan faedah yang disediakan di bawah Sistem Insurans Pekerjaan (SIP). Kadar penempatan pekerjaan merujuk kepada bilangan pekerja yang ditempatkan dalam pekerjaan baharu melalui SIP bagi setiap 100 pekerja yang hilang perkerjaan.

Sumber: Sistem Insurans Pekerjaan, Pertubuhan Keselamatan Sosial


Perubahan tahunan (%), sumbangan kepada pertumbuhan (mata peratusan)



■ E&E
 ■ Berasaskan sumber
 ■ Bukan berasaskan sumber
 ■ Lain-lain
 ■ Komoditi
 ○ Eksport Kasar (% tahunan)

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Perubahan tahunan (%), sumbangan kepada pertumbuhan (mata peratusan)



■ ASEAN
 ■ AS
 ■ Negara-negara lain
 ■ China
 ■ Kesatuan Eropah (EU)
 ○ Eksport Kasar (% tahunan)

Aktiviti perdagangan meningkat dalam keadaan permintaan luaran dan kegiatan ekonomi dalam negeri yang lebih tinggi


Eksport kasar meningkat pada kadar yang lebih pantas sebanyak 44.0% (S1 2021: 18.0%). Prestasi eksport yang kukuh adalah menyeluruh bagi semua barangan dan pasaran, disokong oleh permintaan luaran yang bertambah baik. Import kasar juga mencatatkan pertumbuhan yang lebih tinggi sebanyak 33.3% (S1 2021: 10.0%), disebabkan terutamanya oleh import barangan perantaraan yang berkembang dengan lebih kukuh. Lebihan perdagangan⁶ berjumlah RM56.4 bilion (S1 2021: RM58.7 bilion).

Eksport perkilangan meningkat sebanyak 43.6% (S1 2021: 22.7%), disokong terutamanya oleh eksport barangan bukan E&E (55.5%, S1 2021: 19.0%).

Peningkatan ini didorong oleh permintaan yang teguh terhadap barangan petroleum dan kimia, barangan logam dan jentera, serta kelengkapan dan alat ganti. Eksport komoditi mencatatkan peningkatan semula yang kukuh (46.3%, S1 2021: -6.5%) disebabkan terutamanya oleh peningkatan eksport minyak sawit mentah, gas cecair asli dan petroleum mentah.

Import barangan perantaraan mencatatkan pertumbuhan yang lebih kukuh sebanyak 43.8% (S1 2021: 3.4%), disebabkan terutamanya oleh import bekalan perindustrian yang lebih tinggi, sejajar dengan perkembangan aktiviti perkilangan dalam negeri yang lebih pesat. Keadaan ini sebahagiannya diimbangi oleh penurunan import modal (-8.3%; S1 2021: 32.2%), disebabkan oleh kesan asas daripada import struktur terapung yang besar pada suku kedua tahun 2020.

⁶ Lebihan barangan dan perdagangan berbeza kerana barangan untuk pemprosesan, penyimpanan dan pengedaran (tanpa perubahan hak milik) adalah dikecualikan daripada akaun barangan. Keterangan ini terdapat dalam Manual Imbangan Pembayaran dan Kedudukan Pelaburan Antarabangsa Edisi ke-6 oleh Tabung Kewangan Antarabangsa.



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Lebihan akaun semasa lebih tinggi

Akaun semasa dalam imbangan pembayaran mencatatkan lebihan yang lebih tinggi sebanyak RM14.4 billion, atau 3.9% daripada KDNK pada suku kedua tahun 2021 (S1 2021: RM12.3 bilion atau 3.3% daripada KDNK). Lebihan yang lebih tinggi ini disebabkan oleh lebihan barangan yang lebih besar dan defisit yang lebih rendah dalam akaun pendapatan sekunder.

Lehiannya meningkat kepada RM40.7 billion (S1 2021: RM36.6 bilion), disokong oleh permintaan luaran yang lebih kukuh, meskipun langkah-langkah pembendungan dalam negeri dilaksanakan. Akaun perkhidmatan mencatatkan defisit yang sedikit lebih tinggi (-RM15.4 bilion; S1 2021: -RM15.0 bilion),

disebabkan oleh defisit yang lebih besar dalam perkhidmatan pengangkutan dan perkhidmatan perniagaan lain.


Akaun pendapatan primer mencatatkan defisit yang lebih besar sebanyak RM9.5 billion (S1 2021: -RM5.7 bilion). Defisit ini mencerminkan terutamanya pendapatan pelaburan yang lebih tinggi terakru kepada syarikat dan pelabur asing di Malaysia.

Akaun pendapatan sekunder mencatatkan defisit yang lebih kecil sebanyak RM1.4 billion (S1 2021: -RM3.6 bilion). Defisit ini sebahagiannya disebabkan oleh dana yang diterima berkaitan dengan anak syarikat milikan penuh Kementerian Kewangan (Diperbadankan) pada suku kedua tahun 2021.

R16

Pelaburan Langsung Mengikut Sektor

RM bilion




Nota: Bagi DIA, angka positif merujuk aliran keluar bersih manakala angka negatif merujuk aliran masuk bersih. Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

R17

Pelaburan Portfolio

RM bilion



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia


Akaun kewangan mencatatkan aliran keluar bersih

Akaun kewangan mencatatkan aliran keluar bersih sebanyak RM7.0 bilion (S1 2021: +RM16.0 bilion), apabila aliran keluar dalam akaun pelaburan lain lebih daripada mengimbangi aliran masuk dalam akaun pelaburan langsung dan akaun pelaburan portfolio. Akaun pelaburan langsung mencatatkan aliran masuk bersih yang lebih tinggi sebanyak RM4.2 bilion (S1 2021: +RM1.4 bilion), disokong oleh aliran masuk bersih dalam pelaburan langsung asing (*foreign direct investment*, FDI) sebanyak RM8.2 bilion (S1 2021: +RM9.1 bilion). Pelaburan ini didorong oleh pelaburan semula perolehan yang lebih besar (+RM7.0 bilion; S1 2021: +RM4.1 bilion) terutamanya dalam sektor perkilangan, dan suntikan ekuiti yang lebih tinggi ke Malaysia (+RM4.9 bilion; S1 2021: +RM4.4 bilion). Pelaburan langsung luar negeri (*direct investment abroad*, DIA) mencatatkan aliran keluar bersih yang lebih rendah sebanyak RM4.0 bilion pada suku kedua tahun 2021 (S1 2021: -RM7.8 bilion). Pelaburan ini disalurkan terutamanya ke dalam sektor perkhidmatan dan perkilangan.

Akaun pelaburan portfolio mencatatkan aliran masuk bersih yang lebih tinggi sebanyak RM20

bilion (S1 2021: +RM0.4 bilion), disebabkan oleh pelaburan portfolio bukan pemastautin yang lebih tinggi (+RM30.5 bilion; S1 2021: +RM14.6 bilion) dan pelaburan portfolio pemastautin di luar negeri yang lebih rendah (-RM10.6 bilion; S1 2021: -RM14.2 bilion). Aliran masuk pelaburan portfolio bersih oleh bukan pemastautin yang lebih tinggi mencerminkan aliran masuk yang lebih besar ke dalam sekuriti hutang domestik (+RM32.2 bilion; S1 2021: +RM16.9 bilion), khususnya dalam bon Kerajaan. Keadaan ini lebih daripada mengimbangi kesan daripada penjualan sekuriti ekuiti domestik (-RM1.7 bilion; S1 2021: -RM2.3 bilion). Pelaburan portfolio pemastautin di luar negeri yang lebih sederhana didorong oleh pemerolehan sekuriti ekuiti oleh pelabur institusi yang lebih rendah.

Akaun pelaburan lain bertukar arah untuk mencatatkan aliran keluar bersih yang besar sebanyak RM30.5 bilion (S1 2021: +RM13.9 bilion). Aliran keluar ini disebabkan terutamanya oleh pembayaran balik peminjaman antara bank oleh sistem perbankan dan pengeluaran deposit oleh bukan pemastautin. Kesilapan dan ketinggalan bersih berjumlah -RM2.6 bilion pada suku kedua tahun 2021, atau -0.5% daripada jumlah perdagangan.



¹ Perubahan setiap instrumen hutang tidak termasuk kesan penilaian kadar pertukaran

² Terdiri daripada kredit perdagangan, peruntukan SDR IMF dan liabiliti hutang lain

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Hutang luar negeri kekal terus


Hutang luar negeri Malaysia berjumlah RM1,020.7 bilion, atau 68.5% daripada KDNK pada akhir bulan Jun 2021 (akhir Mac 2021: RM1,039.7 bilion atau 73.2% daripada KDNK). Penurunan ini disebabkan terutamanya oleh pembayaran balik bersih peminjaman antara bank, pengeluaran deposit oleh bukan pemastautin serta kesan penilaian kadar pertukaran susulan ringgit yang lebih kukuh berbanding dengan mata wang asing utama dan serantau terpilih pada tempoh ini. Perkara ini diimbangi sedikit oleh terbitan bersih bon dan nota di luar negeri dan peningkatan pemegangan sekuriti hutang domestik Kerajaan oleh bukan pemastautin.

Hutang luar negeri Malaysia kekal terus berikutan profil mata wang dan profil tempoh matangnya yang menggalakkan. Hutang luar negeri dalam denominasi ringgit berjumlah RM358.2 bilion dan mencakupi 35.1% daripada jumlah hutang luar negeri (akhir Mac 2021: 33.6%). Sebahagian besar daripadanya adalah

dalam bentuk pemegangan sekuriti hutang domestik oleh bukan pemastautin (bahagian sebanyak 68.4% daripada hutang luar negeri dalam denominasi ringgit) dan deposit dalam denominasi ringgit (bahagian sebanyak 16.8%) dalam institusi perbankan pemastautin. Liabiliti ini tidak dipengaruhi oleh turun naik kadar pertukaran ringgit.

Hutang luar negeri dalam denominasi mata wang asing (*foreign currency*, FCY) mencakupi baki RM662.5 bilion, atau 64.9% daripada jumlah hutang luar negeri. Sebanyak 52.7% daripada hutang luar negeri dalam denominasi FCY melibatkan sektor korporat, dan tertakluk terutamanya pada keperluan berhemat serta keperluan lindung nilai BNM. Bon dan nota jangka panjang yang diterbitkan di luar pesisir berjumlah RM195.8 bilion dan mencakupi 29.5% daripada jumlah hutang luar negeri dalam denominasi FCY. Hutang ini dipegang terutamanya oleh syarikat bukan kewangan. Terbitan bersih bon dan nota berjumlah RM23.5

Butiran Hutang Luar Negeri dalam Denominasi Mata Wang Asing (RM bilion, % bahagian)



¹ Terdiri daripada kredit perdagangan, peruntukan SDR IMF dan liabiliti hutang lain

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

bilion pada suku kedua tahun 2021 mencerminkan sebahagian daripada aktiviti pembiayaan semula dalam keadaan persekitaran kadar faedah yang akomodatif. Pinjaman antara syarikat berkaitan yang mencakupi 14.3% daripada hutang luar negeri dalam denominasi FCY secara umumnya dikenakan syarat yang fleksibel dan pada kadar konsesi.

Peminjaman antara bank dan deposit dalam denominasi FCY dalam sistem perbankan domestik mencakupi 33.2% daripada hutang luar negeri dalam denominasi FCY. Separuh daripada penurunan dalam peminjaman antara bank pada suku kedua tahun 2021 mencerminkan peminjaman antara kumpulan secara satu-persatu (*back-to-back*) yang telah matang oleh institusi perbankan di Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan. Paras mudah tunai FCY yang lebih daripada mencukupi serta deposit dalam denominasi FCY yang lebih tinggi telah mengurangkan keperluan institusi perbankan dalam negeri untuk memperoleh perdanaan antara bank daripada bukan pemastautin. Secara keseluruhan, tiga perempat daripada peminjaman antara bank terkumpul adalah dalam bentuk peminjaman antara kumpulan daripada pihak berkaitan di luar negeri,

yang lazimnya lebih stabil, lantas mengehadkan risiko pelanjutan (*rollover risk*) yang dihadapi oleh institusi perbankan. Sementara itu, risiko mata wang asing, seperti yang diukur dari segi kedudukan terbuka bersih dedahan dalam denominasi FCY⁷, kekal rendah pada 4.8% daripada jumlah modal institusi perbankan (akhir Mac 2021: 4.5%).

Dari segi tempoh matang, sebanyak 62.2% daripada jumlah hutang luar negeri mempunyai tempoh jangka sederhana hingga jangka panjang (akhir Mac 2021: 58.4%), menunjukkan risiko pelanjutan yang rendah. Hutang luar negeri jangka pendek mencakupi baki hutang luar negeri sebanyak 37.8%. Yang ketara, sebanyak 42.3% daripada hutang luar negeri jangka pendek berbentuk peminjaman antara kumpulan, yang dipinjamkan oleh bank induk atau syarikat multinasional di luar negeri. Peminjaman ini lazimnya stabil dan pada kadar konsesi. Kira-kira 14.3% lagi merupakan kredit perdagangan, yang sebahagian besarnya bersandarkan perolehan eksport dan terbiaya sendiri. Pada 30 Julai 2021, rizab antarabangsa berjumlah USD111.1 bilion, yang memadai untuk membiayai 8.1 bulan import tertangguh, dan 1.2 kali hutang luar negeri jangka pendek.

⁷ Merujuk jumlah agregat kedudukan mata wang asing bersih jangka pendek atau jangka panjang bagi semua mata wang merentas industri perbankan.

Kekurangan Bekalan Cip Global: Implikasi dan Peluang untuk Malaysia

Latar belakang

Kekurangan bekalan cip semikonduktor¹ yang bermula sejak akhir tahun 2020 telah menekankan pentingnya komponen ini dalam ekonomi moden masa kini. Yang ketara, kekurangan bekalan cip semikonduktor global telah menimbulkan kebimbangan tentang kesannya yang meluas merentas pelbagai sektor ekonomi dan negara. Pada bulan Februari 2021, industri automotif global dijangka mengalami kehilangan hasil yang dianggarkan berjumlah USD60 bilion pada tahun 2021 akibat kekurangan bekalan cip semikonduktor. Isu ini juga menyerlahkan tahap pemusatan yang tinggi dari segi geografi untuk pengeluaran cip, lantas menimbulkan kebimbangan tentang keselamatan negara di beberapa ekonomi utama. Rencana ini bertujuan untuk memberikan pencerahan berhubung dengan isu di sebalik kekurangan bekalan cip semikonduktor global, menilai kesan yang mungkin berlaku ke atas ekonomi Malaysia dan meneliti strategi dasar untuk mengekalkan peranan strategik Malaysia sebagai peserta semikonduktor global.

Ketidakseimbangan bekalan dan permintaan menyebabkan kekurangan cip global


Kekurangan bekalan cip semikonduktor semasa adalah disebabkan oleh perkembangan sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Perkembangan ini dicituskan oleh trend mega² global seperti automasi, pengelektronan, dan kesalinghubungan yang telah mendorong peningkatan permintaan terhadap semikonduktor, dalam keadaan ketidakpastian yang ketara tentang bekalan dan pelaburan yang kurang mencukupi (*under-investment*) akibat perang perdagangan AS-China. Dari perspektif permintaan, pandemik COVID-19 menjadi pemangkin untuk mempercepat trend ke arah kerja jarak jauh, pembelajaran maya, hiburan di rumah, permainan dalam talian dan e-dagang. Hal ini seterusnya menyebabkan lonjakan permintaan yang ketara untuk cip yang bertindak sebagai pemberi kuasa kepada komputer, komputer riba, pengkomputeran awan dan peralatan untuk komunikasi berwayar. Pada mulanya, peningkatan permintaan ini ditampung oleh penurunan pengeluaran dalam segmen automotif kerana pengeluar kereta mengurangkan tempahan untuk cip semikonduktor berikutan pergerakan yang berkurang semasa pandemik. Walau bagaimanapun, industri automotif mengalami pemulihan permintaan yang lebih cepat daripada jangkaan menjelang tahun 2021 (Rajah 1) susulan tamatnya langkah-langkah pembendungan oleh pelbagai negara di seluruh dunia. Selain itu, amalan pengurusan inventori tepat pada masa (*just-in-time*) yang menyumbang kepada tahap inventori cip yang rendah dalam kalangan pengeluar automotif juga telah menggalakkan lagi permintaan terhadap cip.

¹ Cip mikro, cip, atau lebih dikenali secara rasmi sebagai litar bersepadu (*integrated circuit*) berfungsi sebagai "otak" di dalam setiap alat elektronik di dunia.

² Trend mega ini telah menyebabkan peningkatan kandungan semikonduktor untuk setiap unit produk kerana keperluan untuk kelajuan dan kesalinghubungan adalah lebih besar (contohnya, telefon 5G terkini memerlukan komponen elektronik 40% lebih banyak berbanding dengan versi lama, sementara kandungan semikonduktor bagi setiap kereta dijangka mencapai hampir USD600 setiap kereta pada tahun 2022 berbanding dengan USD300 setiap kereta pada tahun 2013).

R1

Jualan Komputer Persendirian Antarabangsa dan Jualan Kenderaan Bermotor Antarabangsa*



*Merujuk 24 negara termasuk Australia, India, Indonesia, Jepun, Malaysia, Pakistan, Filipina, Singapura, Korea Selatan, China Taipei, Thailand, Vietnam, Portugal, Russia, Turki, Afrika Selatan, Argentina, Brazil, Kanada, Chile, Colombia, Mexico, Panama dan Amerika Syarikat. China dikecualikan kerana negara itu terjejas akibat COVID-19 terutamanya pada S1 2021, tidak seperti negara-negara lain.

Sumber: Gartner, CEIC


Dari perspektif bekalan, pengeluar cip tidak dapat memenuhi peningkatan permintaan kerana kekurangan kapasiti baharu dan pelaburan yang kurang mencukupi pada peringkat awal pandemik (Rajah 2). Pengeluar cip global sudah pun beroperasi pada kapasiti yang hampir penuh dan usaha untuk membina kapasiti faundri yang baharu memerlukan kira-kira dua hingga tiga tahun untuk mula membuat pengeluaran. Oleh itu, pengeluar cip tidak dapat menampung permintaan cip yang melonjak secara tiba-tiba.

Terdapat juga bukti bahawa isu kekurangan cip ini adalah disebabkan oleh persaingan antara beberapa pelanggan untuk menambah stok penampungan kerana bimbang akan keselamatan rantaian bekalan berikutan ketegangan perdagangan AS-China. Keadaan ini menjadi bertambah buruk pada tahun 2021 berikutan gangguan pengeluaran secara tiba-tiba akibat ribut musim sejuk di Amerika Syarikat, kebakaran di kilang pengeluaran utama di Jepun dan penularan pandemik COVID-19 di kilang pengeluaran cip di China Taipei.

R2

Rajah 2: Nisbah Perbelanjaan Peralatan kepada Jualan oleh TSMC dan Samsung

Nisbah Perbelanjaan kepada Jualan



Sumber: Counterpoint Research

Pada peringkat global, industri automotif merupakan industri pertama yang terkesan akibat kekurangan bekalan cip. Pengeluar automotif berhadapan dengan tempoh menunggu yang lebih lama apabila permintaan pulih dengan ketara kerana pengeluar cip tidak dapat memberikan semula keutamaan untuk membekalkan cip kepada industri automotif, terutamanya pengeluar yang telah membatalkan tempahan cip sebelum ini. Hal ini telah menyebabkan beberapa peserta automotif menangguhkan pengeluaran atau memberhentikan pengeluaran ciri-ciri yang kurang penting disebabkan oleh ketidakupayaan memperoleh sumber-sumber komponen utama. Walau bagaimanapun, kesan daripada kekurangan ini telah melangkaui sektor automotif sehingga ke industri lain, seperti elektronik pengguna yang berhadapan dengan tempoh menunggu yang lebih lama, tahap inventori yang minimum dan kos yang lebih tinggi untuk memperoleh cip.

Usaha berterusan untuk mengembangkan kapasiti dan mengembalikan operasi perniagaan di luar negeri ke dalam negara dilaksanakan bagi menangani kekurangan bekalan

Kekurangan bekalan cip global yang berterusan mendorong perniagaan dan kerajaan mencari penyelesaian jangka lebih panjang dengan menilai semula keseluruhan struktur rantai bekalan pengeluaran semikonduktor mereka. Dari satu segi, Pengeluar Peranti Bersepadu (Integrated Device Manufacturers) yang terlibat dalam rekaan cip dan mengendalikan operasi faundri sendiri telah memperhebat usaha pelaburan untuk mengembangkan kapasiti. Pereka cip *fabless*, yang melantik pihak ketiga sebagai pengeluar, kurang mempunyai fleksibiliti kerana mereka sangat bergantung pada beberapa pengeluar global yang besar bagi memenuhi tempahan (tiga pengeluar teratas semikonduktor yang dilantik mencakupi hampir 80% daripada hasil faundri global pada tahun 2020). Pemusatan pengeluaran ini telah mendorong kerajaan di seluruh dunia mempergiat pengeluaran sendiri dan memperkukuh keselamatan negara dengan meningkatkan keupayaan pembuatan cip dalam negeri (diumumkan pada tahun 2020 dan 2021, Rajah 3). Khususnya, ekonomi utama termasuk Amerika Syarikat, Kesatuan Eropah dan China sedang memberikan insentif untuk mengembalikan operasi pengeluaran cip ke dalam negara bagi membolehkan kawalan yang lebih baik terhadap rantai bekalan serta menghalang berlakunya gangguan pada masa hadapan.

R3

Usaha oleh Syarikat-Syarikat Semikonduktor dan Pembuat Dasar Terpilih

AS (2021)

Pelaburan berjumlah USD52 bilion untuk mengukuhkan pengeluaran cip dalam negeri

Intel (2021)

Pelaburan berjumlah USD20 bilion untuk pengeluaran cip untuk pelanggan lain

Eropah (2021)

Sasaran untuk mencapai 20% pasaran global dalam masa 10 tahun

China (2020)

Melabur USD1.4 trilion untuk menjadi peneraju global dalam teknologi utama

Korea Selatan (2021)

Rancangan untuk melabur USD450 bilion untuk menjadi "powerhouse"

TSMC (China Taipei, 2021)

USD100 bilion untuk pengembangan 3 tahun akan datang

India (2021)

Rancangan untuk menawarkan ~USD1 bilion kepada firma bagi membina kilang pengeluaran cip di India

Global Foundries (2021)

Rancangan pengembangan berjumlah USD4 bilion di Singapura

Sumber: Pelbagai aliran berita


Malaysia masih berjaya menghadapi kesan kekurangan bekalan cip

Memandangkan Malaysia berada pada kedudukan utama dalam rantaian nilai semikonduktor global (kira-kira 7% aliran perdagangan separa konduktor global adalah menerusi Malaysia), penilaian perlu dibuat untuk menilai kesan kekurangan bekalan cip terhadap pengeluaran E&E Malaysia. Selepas pelaksanaan langkah-langkah pembendungan yang paling ketat di seluruh dunia pada bulan April 2020, aktiviti pengeluaran E&E telah mengalami pemulihan yang kukuh dan terus mencatatkan tahap pengeluaran yang sangat tinggi. Khususnya, pengeluaran telah melebihi tahap sebelum pandemik sejak bulan Jun 2020 (Rajah 4).

R4

Indeks pengeluaran perindustrian (E&E)


Indeks (2015=100), diselaraskan secara bermusim



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Tahap pengeluaran yang kukuh dan mampan menunjukkan bahawa sektor E&E Malaysia sedang meraih manfaat daripada kekurangan bekalan cip. Malaysia memiliki kedudukan yang strategik dalam rantaian nilai global sebagai salah satu pengeksport bersih yang sangat besar dalam kalangan pengeluar produk semikonduktor (Rajah 5), dengan bahagian yang ketara daripada firma dalam rantaian nilai semikonduktor yang terlibat dalam pengeluaran cip. Oleh itu, permintaan yang kukuh terhadap semikonduktor memberikan manfaat kepada sebahagian besar segmen dalam industri ini, mengatasi kesan kekurangan yang dihadapi oleh segmen yang menggunakan cip sebagai input perantara. Khususnya, firma yang terlibat dalam pembuatan semikonduktor bahagian hadapan (*front-end*) telah mengalami peningkatan dalam tempahan mereka ketika mereka sedang berusaha untuk menangani jurang bekalan global. Seiring dengan aktiviti foundry yang kukuh pada peringkat global, bahagian lain dalam rantaian nilai semikonduktor dalam negeri, iaitu peserta OSAT (Outsource Semiconductor Assembly and Testing) dan pengeluar ATE (Assembly and Test Equipment) tempatan telah memperoleh manfaat daripada permintaan yang lebih tinggi.

% daripada KDNK (2020)




Sumber: International Trade Centre, IMF

Kitaran teknologi global yang terus kukuh ini dijangka dapat memberikan sokongan kepada prestasi industri E&E pada masa hadapan. Berdasarkan libat urus industri oleh Bank, kebanyakan firma E&E telah mendapat tempahan yang lebih tinggi terlebih dahulu, dengan beberapa firma melaporkan bahawa buku tempahan mereka telah penuh untuk sepanjang tahun 2021. Firma-firma juga sedang melaksanakan langkah-langkah untuk menambah kapasiti pengeluaran bagi meningkatkan bekalan dengan membuat pelaburan dalam kilang dan mesin baharu, di samping memperkenalkan produk baharu untuk memenuhi segmen baharu yang pesat berkembang seperti kenderaan elektrik, pusat data dan peralatan perubatan. Prospek keseluruhan sektor ini dijangka kekal positif, memandangkan firma dalam negeri menerima tempahan yang lebih tinggi kerana pelanggan membuat tempahan awal berikutan jangkaan bahawa produk dan komponen lain akan berkurang pada masa hadapan.

Walau bagaimanapun, kesan kekurangan adalah tidak sekata, memandangkan segmen tertentu dalam rantai nilai E&E dalam negeri memerlukan cip untuk menghasilkan barangan elektronik lain, terutamanya barangan elektronik pengguna. Beberapa pengeluar OEM (Original Equipment Manufacturer) dan EMS (Electronics Manufacturing Services) yang menggunakan cip sebagai komponen perantaraan menyuarakan kebimbangan berhubung dengan bagaimana tahap inventori yang rendah dan tempoh menunggu yang lebih lama untuk memperoleh bekalan cip menjejaskan pengeluaran mereka.

Melangkau sektor E&E, industri automotif merupakan industri yang paling terkesan pada peringkat global akibat kekurangan bekalan cip. Walau bagaimanapun, sektor automotif di Malaysia secara relatif kurang terjejas. Berbanding dengan industri automotif di AS dan Jerman, pengeluaran Malaysia telah meningkat sejak akhir tahun 2020 (Rajah 6). Keadaan ini sebahagiannya disebabkan oleh intensiti cip yang lebih rendah bagi kenderaan bermotor yang dikeluarkan di Malaysia berbanding dengan pengeluaran di negara maju, khususnya dalam pengeluaran untuk pasaran massa dan buatan nasional. Peningkatan dalam pengeluaran kenderaan bermotor ini juga berlaku serentak dengan pengecualian daripada Cukai Jualan dan Perkhidmatan (Sales and Services Tax, SST) bagi pembelian kereta penumpang apabila pengguna yang mengambil manfaat daripada penjimatan cukai telah meningkatkan permintaan terhadap kenderaan.

Indeks (2015 = 100)



Nota: Angka-angka pada bulan Jun 2021 tidak diambil kira kerana pengeluaran kenderaan bermotor di Malaysia lebih terjejas berikutan arahan Perintah Kawalan Pergerakan Penuh Fasa 1 yang mengehendkan pengeluaran

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan CEIC

Pada masa hadapan, strategi jangka panjang penting untuk membina keupayaan dalam negeri

Prospek jangka lebih panjang bagi industri E&E di Malaysia terus disokong oleh buku tempahan yang kukuh, pengenalan produk baharu dan permulaan operasi kilang baharu yang membolehkan firma mendapat manfaat daripada permintaan global yang berterusan. Keupayaan firma untuk memanfaatkan peluang ini terus bergantung pada strategi jangka panjang bagi membina keupayaan dalam negeri agar kekal berdaya saing.

Meskipun persekitaran semasa di Malaysia adalah positif, sektor E&E menghadapi cabaran dalam jangka pendek dan jangka sederhana. Pertama, prestasi jangka pendek industri E&E di Malaysia dijangka terjejas oleh pelaksanaan PKP penuh baru-baru ini dan sekatan terhadap kapasiti tenaga kerja yang disebabkan oleh penularan semula kes COVID-19. Walau bagaimanapun, firma berupaya untuk mengurangkan kesan itu berikutan banyak firma semikonduktor yang besar mempunyai operasi yang sangat automatik. Di samping itu, beberapa firma juga menambah bilangan hari bekerja untuk meningkatkan pengeluaran. Pada masa hadapan, firma yang bertumpukan aktiviti berintensif pekerja menghadapi risiko yang paling tinggi akibat gangguan pengeluaran berikutan tenaga kerja yang dihadkan. Oleh itu, memulakan proses automasi bukan sahaja akan mengurangkan kesan langkah pembendungan apabila firma menjadi lebih berintensif modal, malah akan turut membantu memastikan sektor E&E di Malaysia lebih berupaya untuk memenuhi permintaan yang tinggi bagi produk E&E. Meskipun automasi umumnya dilaksanakan dalam kalangan pengeluar E&E yang lebih besar, pembekal tahap 2 dan tahap 3 yang kebanyakannya terdiri daripada PKS, mempunyai ruang untuk terus meningkatkan tahap automasi mereka. Halangan kepada automasi termasuk ketidakanggupan untuk berubah kepada kaedah pengeluaran baharu, serta kos yang tinggi termasuk kos penyelenggaraan dan latihan kakitangan apabila menggunakan jentera³. Dalam hal ini, PKS digalakkan untuk mengautomasi proses dan mendigitalkan operasi dengan memanfaatkan sumber bina upaya serta geran dan kemudahan pembiayaan seperti Dana Strategik Pelaburan Dalam Negeri dan Dana Impak Tinggi oleh MIDA, serta Kemudahan Automasi dan Digital PKS (SME Automation and Digitalisation Facility, ADF)⁴ oleh Bank Negara Malaysia.

³ Dapatan daripada E&E Productivity Nexus "Study on Productivity and Contribution of the Malaysian E&E Industry"


⁴ Untuk maklumat lanjut, sila rujuk https://www.bnm.gov.my/documents/20124/2294076/ADF_Eng.pdf

Kedua, dorongan ke arah mengembalikan aktiviti pengeluaran cip di luar negeri ke dalam negara oleh ekonomi maju boleh memberikan kesan kepada kepentingan Malaysia sebagai pengeluar E&E dalam rangkaian nilai semikonduktor global (*global value chain*, GVC). Apabila ekonomi maju memberikan keutamaan kepada keupayaan dalam negeri mereka sendiri, mereka mungkin akan mengurangkan pelaburan pada bahagian lain dalam GVC. Setakat ini, sektor E&E Malaysia amat bergantung pada pelaburan langsung asing (*foreign direct investments*, FDI), yang mencakupi lebih 80% jumlah pelaburan yang diluluskan sejak tiga tahun yang lalu (Rajah 7). Pengurangan FDI mungkin dapat dilihat dalam pengumpulan modal, pengembangan keupayaan pengeluaran serta pertumbuhan pengeluaran yang lebih perlahan. Memandangkan sektor E&E sangat berintensif teknologi, FDI yang didorong oleh teknologi yang lebih rendah mungkin menjejaskan perkembangan dan penggunaan teknologi dalam negeri, pewujudan pekerjaan berkemahiran tinggi serta akses kepada pasaran global oleh pembekal tempatan menerusi jaringan syarikat multinasional.

R7

Pelaburan asing dan dalam negeri yang diluluskan bagi industri E&E di Malaysia

RM bilion



Sumber: Malaysian Investment Development Authority

Oleh itu, terdapat keperluan yang mendesak agar firma dalam negeri meningkatkan pelaburan di samping menambah keupayaan Malaysia untuk menarik FDI berkualiti dalam keadaan wujudnya usaha untuk mengembalikan operasi di luar negeri ke dalam negara pada peringkat global. Pelaksanaan “Aspirasi Pelaburan Nasional” (National Investment Aspirations, NIA) boleh merangsang pelaburan ke dalam segmen rangkaian nilai yang mempunyai kompleksiti ekonomi yang tinggi, mewujudkan pekerjaan bernilai tinggi dan mempunyai hubungan dalam negeri yang luas. Antara contoh ialah reka bentuk dan automasi rekaan Litar Bersepadu (*Integrated Circuit*) yang sejajar dengan NIA memandangkan kebergantungan yang tinggi terhadap inovasi. Setakat ini, terdapat hanya beberapa syarikat rekaan tempatan yang aktif di Malaysia kerana aktiviti rekaan Litar Bersepadu dilaksanakan terutamanya oleh syarikat multinasional. Untuk menceburi segmen ini, peserta tempatan khususnya peserta baharu boleh mewujudkan perkongsian dengan syarikat multinasional melalui penubuhan pusat rekaan di luar pesisir untuk membawa masuk aktiviti ini ke Malaysia dalam jangka masa sederhana. Agensi penggalakan perdagangan juga boleh meningkatkan penjenamaan sektor E&E dalam

negeri sebagai hab rekaan Litar Bersepadu yang akan meningkatkan dedahan dan mewujudkan peluang untuk syarikat rekaan Litar Bersepadu tempatan.

Industri E&E di Malaysia boleh meningkatkan lagi skala keupayaan dan daya saingnya dengan menceburi bidang penyelidikan dan pembangunan (*research and development*, R&D), aktiviti inovasi produk dan rekaan yang boleh menambah nilai melangkaui hanya sudut perkilangan (Malaysia berada pada kedudukan ke-70 daripada 131 negara dari segi pewujudan ilmu pengetahuan, dan 53 daripada 131 negara dalam pekerja berpengetahuan yang dicatatkan dalam *Global Innovation Index 2020*). Peralihan ini boleh dilengkapkan dengan dasar Kerajaan untuk menarik aktiviti pelaburan R&D yang menggalakkan aliran masuk pengetahuan dan inovasi teknologi baharu melalui kerjasama antara peserta industri dengan ahli akademik. Sebagai contoh, Industrial Technology Research Institute (ITRI) Taiwan merupakan model yang berjaya dalam penambahbaikan teknologi industri dan dasar inovasi yang bukan sahaja mendorong inovasi dalam kalangan syarikat dan menjadi pusat inkubasi beberapa syarikat tempatan yang terkenal, malah merapatkan jurang antara peserta industri dengan penyelidikan akademik. Keupayaan untuk menarik syarikat multinasional supaya membawa masuk aktiviti R&D juga bergantung pada ketersediaan kumpulan tenaga mahir yang betul bagi melaksanakan tugas bernilai tinggi ini. Perkara ini sebahagiannya boleh ditangani melalui kerjasama yang berterusan dan kohesif antara peserta industri dengan pihak universiti bagi membentuk kurikulum yang berkaitan dengan industri supaya sejajar dengan permintaan terhadap kemahiran yang sentiasa berubah-ubah. Bagi mengukuhkan ekosistem R&D supaya boleh dilaksanakan di negara ini, rangka kerja Harta Intelek (Intellectual Property, IP) Malaysia juga perlu dikemas kini untuk meluaskan pengiktirafan paten tempatan merentas semua negara utama pada peringkat antarabangsa, yang akan menawarkan perlindungan yang lebih komprehensif kepada IP yang dipatenkan di Malaysia. Terdapat juga keperluan untuk mengukuhkan dan menjajarkan timbangan tara IP kepada piawaian global bagi memudahkan penyelesaian pertikaian secara berkesan.

Kesimpulan

Malaysia telah berupaya untuk menangani kesan kekurangan bekalan cip dengan agak baik memandangkan kedudukannya yang kukuh dalam rantai bekalan semikonduktor global. Dengan pengeluaran industri E&E yang lebih tinggi pada tempoh pandemik ini berbanding dengan tahun 2019, serta buku tempahan yang penuh dalam kalangan pengeluar cip dan pelan pempelbagaian produk pada masa hadapan, industri E&E di Malaysia setakat ini telah meraih manfaat daripada kekurangan bekalan cip global yang di luar jangkaan.

Walau bagaimanapun, terdapat risiko bahawa peningkatan usaha mengembalikan aktiviti perkilangan semikonduktor di luar negeri ke dalam negara mungkin menjejaskan pelaburan ke Malaysia pada masa hadapan. Oleh itu, sekarang merupakan masa yang tepat untuk Malaysia mengukuhkan keupayaan dalam negeri dengan meningkatkan produktiviti melalui automasi dan pendigitalan, mengambil manfaat daripada alat dasar pelaburan yang berpandangan ke hadapan seperti NIA dan meningkatkan keupayaan R&D dengan membangunkan kumpulan tenaga mahir yang betul, di samping meningkatkan kerjasama antara peserta industri dengan ahli akademik.

Rujukan:

- Bloomberg (2021). 'How a Chip Shortage Snarled Everything from Phones to Cars'. <https://www.bloomberg.com/graphics/2021-semiconductors-chips-shortage/>
- Brown, C., & Linden, G. (2008). 'Semiconductor capabilities in the US and industrializing Asia'. In 2008 Industry Studies Conference Paper.
- CEIC (2021), 'Motor Vehicle Industrial Production', <https://insights.ceicdata.com/>
- CNBC (2021), 'How Covid led to a \$60 billion global chip shortage for the auto industry', <https://www.cnn.com/2021/02/11/how-covid-led-to-a-60-billion-global-chip-shortage-for-automakers.html>
- Counterpoint Research (2021). <https://www.counterpointresearch.com/data/>
- Deloitte (2019). 'Semiconductors – the Next Wave: Opportunities and winning strategies for semiconductor companies', <https://www2.deloitte.com/content/dam/Deloitte/cn/Documents/technology-media-telecommunications/deloitte-cn-tmt-semiconductors-the-next-wave-en-190422.pdf>
- Department of Statistics Malaysia (2021). 'Index of Industrial Production, Malaysia' Jabatan Perangkaan Malaysia, Putrajaya.
- Electrical & Electronics Productivity Nexus (2018). "Study on Productivity and Contribution of the Malaysian E&E Industry".
- Gartner (2020). 'Global Traditional PC Sales', <https://www.gartner.com/>
- International Trade Centre (2021). 'Trade Balance- List of markets for Product: 8542: Electronic integrated circuits; parts thereof'. <https://www.trademap.org/> .
- International Monetary Fund (2021). 'GDP, current prices'. <https://www.imf.org/external/datamapper/NGDPD@WEO/ADVEC/WEOWORLD>
- Malaysian Investment Development Authority, 'Projects Approved by Major Industry, 2018-2020' <https://www.mida.gov.my/why-malaysia/investment-statistics/>
- McKinsey & Company (2021), Coping with the auto-semiconductor shortage: Strategies for success
- OECD, 'Share of E&E to Final Demand of Automotive Products by Country', <https://data.oecd.org/>
- Semiconductor Industry Association (2021). 'Strengthening the Global Semiconductor Supply Chain in An Uncertain Era'. <https://www.semiconductors.org/strengthening-the-global-semiconductor-supply-chain-in-an-uncertain-era/>
- World Bank (2021). 'An Investment Perspective on Global Value Chains'

Halaman sengaja dikosongkan.

Perkembangan Monetari dan Kewangan

Sorotan


- Ringgit menambah nilai sedikit berbanding dengan dolar AS manakala pasaran ekuiti dan bon domestik menurun secara keseluruhan.
- Kadar faedah nominal secara keseluruhan kekal stabil pada suku kedua.
- Pembiayaan bersih terus berkembang.

Pasaran kewangan domestik dipengaruhi oleh faktor luaran dan dalam negeri

Keadaan dalam pasaran kewangan domestik terjejas akibat perkembangan global dan dalam negeri pada suku kedua tahun 2021. Dari segi perkembangan luaran, keluk kadar hasil Perbendaharaan Amerika Syarikat (AS) mendatar berikutan kenaikan dalam kadar hasil Perbendaharaan AS jangka pendek. Kenaikan ini berikutan meningkatnya jangkaan bahawa dasar monetari di AS akan mula kembali ke paras yang wajar lebih awal daripada jangkaan, susulan mesyuarat Federal Open Market Committee (FOMC) pada bulan Jun. Sementara itu, kadar hasil bagi jangka sederhana dan jangka panjang menurun berikutan pembelian aset yang berterusan oleh Federal Reserve AS dan proses pembetulan pasaran yang disebabkan oleh pelarasan berlebihan pada suku pertama tahun 2021 (perubahan kadar hasil Perbendaharaan AS 10 tahun pada S1 2021: +82.7 mata asas).

R20

Prestasi Mata Wang Serantau Berbanding Dolar AS



Sumber: Bank Negara Malaysia dan Reuters

Pergerakan dalam pasaran bon domestik secara keseluruhannya mengikut trend yang serupa. Kadar hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS) 3 tahun meningkat sebanyak 13.5 mata asas (kadar hasil Perbendaharaan AS 3 tahun: +11.5 mata asas), manakala kadar hasil MGS 5 tahun menurun sebanyak 10.8 mata asas (kadar hasil Perbendaharaan AS 5 tahun: -5.0 mata asas). Meskipun kadar hasil Perbendaharaan AS 10 tahun menurun sebanyak 27.2 mata asas, kadar hasil MGS 10 tahun mencatatkan sedikit kenaikan iaitu sebanyak 1.5 mata asas. Kenaikan ini disebabkan sebahagiannya oleh jangkaan yang meningkat berhubung dengan terbitan bon domestik yang lebih tinggi, susulan pengumuman sokongan fiskal tambahan pada bulan Jun 2021.


Dalam pasaran pertukaran asing, ringgit menambah nilai sedikit berbanding dengan dolar AS (\$2 2021: +0.1%), sejajar dengan kebanyakan mata wang serantau lain. Dolar AS terjejas pada awal suku ini berikutan kenaikan inflasi di AS

yang menyebabkan penurunan dalam kadar hasil benar bon, lantas mendorong para pelabur untuk melabur dalam aset dengan kadar hasil yang lebih tinggi. Data ekonomi yang lebih lemah daripada jangkaan pula, seperti data pengangguran, telah menimbulkan kebimbangan terhadap kadar pemulihan ekonomi AS. Walau bagaimanapun, jangkaan bahawa dasar monetari AS akan kembali ke paras yang wajar pada kadar yang lebih pantas susulan mesyuarat FOMC pada bulan Jun menyebabkan berlakunya sedikit pengimbangan semula portfolio pelabur ke arah aset-aset dalam denominasi dolar AS pada akhir suku itu.


Pasaran ekuiti domestik merosot susulan kebimbangan terhadap prospek ekonomi yang disebabkan oleh pelaksanaan langkah-langkah pembendungan yang lebih ketat berikutan meningkatnya kes COVID-19. FBM KLCI menurun sebanyak 2.6% untuk ditutup pada 1,532.6 mata pada akhir bulan Jun 2021 (akhir bulan Mac: 1,573.5 mata). Sektor yang paling terjejas dalam pasaran ekuiti domestik ialah tenaga (-14.6%), perladangan (-8.7%) dan pembinaan (-7.3%).

R21

Trend Kadar Hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia



Sumber: Bank Negara Malaysia




Sumber: Bloomberg

Kadar faedah nominal secara keseluruhan kekal stabil pada suku kedua


Kadar faedah nominal dalam pasaran borong dan runcit kekal stabil sepanjang suku kedua. Kadar tanda aras KLIBOR 3 bulan kekal tidak berubah pada 1.94% (S1 2021: 1.94%), sementara dalam pasaran runcit, kadar asas (*base rate*, BR) purata berwajaran juga tidak berubah pada 2.43% (S1 2021: 2.43%). Secara lebih luas, kadar pinjaman purata (*average lending rate*, ALR) berwajaran bagi pinjaman terkumpul menurun sedikit kepada

3.89% (S1 2021: 3.93%), mencerminkan pengurangan penggunaan kredit pusingan yang berkadar lebih tinggi, seperti kad kredit, berikutan kegiatan ekonomi yang lebih perlahan pada bulan Jun 2021.

Kadar deposit tetap (*fixed deposit*, FD) nominal juga stabil pada suku kedua, merentas tempoh matang 1 hingga 12 bulan. Kadar FD benar 3 bulan dan 12 bulan kekal negatif memandangkan jangkaan inflasi yang lebih tinggi. Hal ini sebahagiannya disebabkan oleh kesan asas daripada inflasi yang rendah dan negatif pada tahun lepas.



- Kadar pinjaman purata (ALR) berwajaran
- Kadar Dasar Semalaman (OPR)
- KLIBOR 3 bulan



- Kadar deposit tetap (FD) benar 3 bulan
- Kadar deposit tetap (FD) benar 12 bulan

Sumber: Bank Negara Malaysia, Bloomberg dan Consensus Economics

Mudah tunai sistem perbankan kekal mencukupi untuk memudahkan pengantaraan kewangan


Mudah tunai sistem perbankan kekal mencukupi pada peringkat institusi dan keseluruhan sistem untuk memudahkan aktiviti pengantaraan kewangan. Tahap lebih mudah

tunai yang ditempatkan di Bank meningkat sebanyak RM3.0 bilion, sebahagiannya mencerminkan aliran masuk daripada terbitan sukuk global kerajaan dalam dolar AS pada suku kedua. Pada peringkat institusi, hampir semua bank mengekalkan kedudukan lebih mudah tunai dengan Bank pada akhir bulan Jun 2021.

R24

Mudah Tunai Ringgit Berkumpul di Bank Negara Malaysia (pada akhir tempoh)

RM bilion



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pembiayaan bersih terus berkembang

Pada akhir suku kedua tahun 2021, pembiayaan bersih berkembang sebanyak 4.4% pada asas tahunan (S1 2021: 4.7%). Pertumbuhan pinjaman terkumpul⁸ menjadi sederhana kepada 3.6% (S1 2021: 4.3%), manakala pertumbuhan bon korporat terkumpul⁹ meningkat kepada 6.9% (S1 2021: 5.9%).

Pinjaman perniagaan terkumpul mencatatkan pertumbuhan tahunan sebanyak 1.3% pada akhir suku kedua tahun 2021 (S1 2021: 1.6%) dalam keadaan pertumbuhan pinjaman berkaitan pelaburan⁹ yang semakin perlahan (S2 2021: 0.4%, S1 2021: 1.1%). Sementara itu, pertumbuhan pinjaman modal kerja¹⁰ terkumpul meningkat (S2 2021: 1.6%, S1 2021: 1.4%) sejajar dengan pertumbuhan pengeluaran pinjaman modal kerja yang lebih tinggi (S2 2021: 31.1%, S1 2021: 18.1%) pada suku itu. Jumlah pengeluaran pinjaman perniagaan meningkat daripada suku sebelumnya


(S2 2021: RM234.4 bilion, S1 2021: RM228.1 bilion). Permintaan terhadap pinjaman perniagaan juga meningkat tetapi kekal di bawah paras purata tahun 2017 hingga 2019 (RM82.2 bilion, S1 2021: RM73.5 bilion, purata suku tahunan 2017-2019: RM87.8 bilion). Peningkatan ini berpunca terutamanya daripada segmen PKS.

Bagi segmen isi rumah, pertumbuhan pinjaman terkumpul menjadi sederhana kepada 5.3% (S1 2021: 6.0%), berikutan pertumbuhan dalam pembayaran balik pinjaman yang melebihi pertumbuhan pengeluaran. Pertumbuhan pinjaman terkumpul yang sederhana dicatatkan dalam kebanyakan tujuan pinjaman, kecuali pinjaman untuk pembelian kereta penumpang. Walau bagaimanapun, permintaan untuk pinjaman isi rumah terus menggalakkan (RM151.8 bilion, S1 2021: RM139.9 bilion; purata suku tahunan 2017-2019: RM119.2 bilion), khususnya untuk pembelian harta tanah kediaman.

R25

Sumbangan kepada Pertumbuhan Pembiayaan Bersih

Sumbangan kepada pertumbuhan (mata peratusan)



* Tidak termasuk terbitan oleh Cagamas dan bukan pemastautin
 Sumber: Bank Negara Malaysia

⁸ Pinjaman daripada sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP).

⁹ Tidak termasuk terbitan oleh Cagamas dan bukan pemastautin.

¹⁰ Klasifikasi pinjaman perniagaan berdasarkan tujuan hanya tersedia untuk sistem perbankan.

Halaman sengaja dikosongkan.

Pertimbangan Dasar oleh Bank Negara Malaysia

Sorotan

- Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) pada 1.75% semasa mesyuarat MPC pada bulan Mei dan Julai 2021. MPC menyifatkan pendirian dasar monetari adalah wajar dan akomodatif.
- Langkah-langkah fiskal dan kewangan juga akan terus mengurangkan kesan ekonomi terhadap perniagaan dan isi rumah serta memberikan sokongan kepada kegiatan ekonomi. Bank Negara Malaysia terus komited untuk menggunakan alat-alat dasarnya yang bersesuaian bagi mewujudkan keadaan yang menyokong pemulihan ekonomi yang berterusan.

Dasar monetari kekal akomodatif

Pada mesyuarat Jawatankuasa Dasar Monetari (*Monetary Policy Committee*, MPC) pada bulan Mei dan Julai 2021, Kadar Dasar Semalaman (*Overnight Policy Rate*, OPR) dikekalkan pada 1.75%.

MPC menilai bahawa pemulihan ekonomi global bertambah kukuh, disokong oleh peningkatan dalam aktiviti perkilangan dan perkhidmatan. Walau bagaimanapun, kadar pemulihan adalah berbeza-beza antara negara. Negara-negara yang mencapai kemajuan yang lebih baik dalam pelaksanaan program pemberian vaksin telah dapat melonggarkan langkah-langkah pembendungan dan membolehkan aktiviti dalam negeri pulih dengan segera. Di beberapa negara maju, sokongan fiskal dan monetari yang besar juga menyokong momentum pemulihan yang lebih kukuh, meskipun aktiviti di beberapa negara terganggu disebabkan oleh langkah-langkah pembendungan yang lebih ketat bagi mengekang penularan semula COVID-19. Keadaan kewangan kekal menyokong pertumbuhan. Secara keseluruhan,imbangan risiko terhadap prospek pertumbuhan terus cenderung ke arah pertumbuhan menjadi lebih perlahan disebabkan terutamanya oleh ketidakpastian berhubung dengan perkembangan pandemik dan potensi risiko volatiliti pasaran kewangan yang ketara.

Bagi ekonomi Malaysia, kegiatan ekonomi yang lebih baik daripada jangkaan pada suku pertama 2021 berterusan hingga bulan April terutamanya bagi eksport, perbelanjaan runcit dan keadaan pasaran pekerja. Walau bagaimanapun, pelaksanaan semula langkah-langkah pembendungan di seluruh negara untuk mengekang penularan semula kes COVID-19 akan memperlambatkan momentum pertumbuhan. Tahap kesan daripada pelaksanaan langkah-langkah ini

kepada ekonomi sangat bergantung pada ketegasan dan tempoh langkah-langkah pembendungan. Walau bagaimanapun, sebahagian daripada kesan sekatan pergerakan akan dikurangkan oleh kebenaran yang terus diberikan kepada sektor ekonomi perlu (*essential economic sectors*) untuk beroperasi, meskipun pada kapasiti yang berkurang, serta kemampuan yang lebih tinggi untuk menyesuaikan diri bekerja dari jarak jauh, penggunaan automasi dan pendigitalan. Pelbagai pakej sokongan dasar akan meringankan sedikit tekanan kewangan yang ditanggung oleh isi rumah dan perniagaan. Keadaan permintaan luaran yang menggalakkan akan terus memberikan dorongan kepada pertumbuhan. Pada masa hadapan, pengurangan langkah-langkah pembendungan secara beransur-ansur, bersama-sama dengan kemajuan pesat program pemberian vaksin dalam negeri dan permintaan luaran yang terus kukuh akan memberikan sokongan kepada pemulihan pertumbuhan menjelang tahun 2022. Walau bagaimanapun, prospek pertumbuhan terus bergantung pada risiko pertumbuhan menjadi rendah dengan ketara disebabkan terutamanya oleh faktor yang boleh mendorong kepada kelewatan pelonggaran langkah-langkah pembendungan atau pelaksanaan langkah-langkah pembendungan yang lebih ketat, dan pemulihan pertumbuhan global yang lebih rendah daripada jangkaan.

Seperti yang dijangka, inflasi keseluruhan baru-baru ini naik mendadak disebabkan terutamanya oleh kesan asas daripada harga bahan api yang rendah pada suku kedua tahun 2020. Peningkatan mendadak ini adalah bersifat sementara dan inflasi keseluruhan diunjurkan sederhana pada tempoh terdekat apabila kesan asas ini luput. Bagi tahun 2021, inflasi keseluruhan diunjurkan lebih hampir dengan angka yang lebih rendah dalam julat unjuran yang diumumkan sebelum ini.¹¹ Inflasi asas, seperti yang diukur oleh inflasi teras, dijangka kekal rendah, berpurata antara 0.5% hingga 1.5% untuk tahun ini, dalam keadaan lebihan kapasiti yang berterusan dalam ekonomi. Walau bagaimanapun, prospek ini bergantung pada perkembangan harga komoditi global.

MPC menyifatkan pendirian dasar monetari adalah wajar dan akomodatif. Selain itu, langkah-langkah fiskal dan kewangan akan terus mengurangkan kesan ekonomi terhadap perniagaan dan isi rumah serta memberikan sokongan kepada kegiatan ekonomi. Berikutan keadaan pandemik yang tidak menentu, pendirian dasar monetari akan terus ditentukan oleh data dan maklumat baharu serta kesannya kepada prospek keseluruhan inflasi dan pertumbuhan dalam negeri. Bank Negara Malaysia terus komited untuk menggunakan alat-alat dasarnya yang bersesuaian bagi mewujudkan keadaan yang menyokong pemulihan ekonomi yang berterusan.

¹¹ Inflasi keseluruhan bagi tahun 2021 yang diunjurkan sebelum ini berpurata antara 2.5% hingga 4.0%, seperti yang diterbitkan dalam Tinjauan Ekonomi dan Monetari 2020 BNM.

Sorotan dasar lain pada suku kedua 2021

Sorotan dasar	Butiran penting
Kertas Perbincangan tentang Rangka Kerja Modal Berasaskan Risiko untuk Penanggung Insurans dan Pengendali Takaful (Reka Bentuk Rangka Kerja)	• Kertas Perbincangan yang diterbitkan pada 30 Jun 2021 menggariskan cadangan penambahbaikan pada reka bentuk rangka kerja kecukupan modal untuk penanggung insurans berlesen dan pengendali takaful berlesen (<i>insurers and takaful operators</i>, ITO). Kertas Perbincangan ini membentuk sebahagian daripada semakan berperingkat yang dilaksanakan oleh Bank terhadap keseluruhan rangka kerja kesolvenan. • Cadangan penambahbaikan ini bertujuan memastikan rangka kerja terus berkesan dalam keadaan pasaran yang berubah-ubah dan memudahkan pengukuran kecukupan modal yang konsisten dan setara merentas ITO. • Tumpuan utama Kertas Perbincangan ini ialah - - o pengiktirafan keupayaan tindakan pengurusan untuk menyerap kerugian di bawah Jumlah Modal Tersedia; - o tahap risiko sasaran yang sesuai untuk penentuan caj modal; - o kaedah pengukuran komponen risiko di bawah Jumlah Modal Diperlukan; dan - o kebolehlaksanaan mengira Nisbah Kecukupan Modal untuk ITO menggunakan satu formula, dengan mengambil kira keunikan model perniagaan insurans dan takaful. • Kertas Perbincangan ini diterbitkan untuk maklum balas hingga 30 September 2021.
Dokumen Dasar berhubung dengan Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Sekatan Kewangan Bersasar untuk Institusi Kewangan (Anti-Money Laundering, Countering Financing of Terrorism and Targeted Financial Sanctions for Financial Institutions) (Dokumen Tambahan No. 1) - Sektor Perniagaan Perkhidmatan Wang	• Dokumen Dasar ini diterbitkan pada 30 Jun 2021. • Dokumen Dasar ini menetapkan keperluan minimum yang perlu dipatuhi oleh perniagaan perkhidmatan wang yang dilesenkan di bawah Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011 ketika melaksanakan proses pengesahan tanpa bersemuka semasa menerima pelanggan korporat. • Dokumen Dasar ini bertujuan memastikan langkah kawalan dan sistem Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan yang berkesan dilaksanakan bagi melindungi integriti perniagaan perkhidmatan wang.
Draf Dedahan tentang Wang Elektronik (E-Wang)	• Draf Dedahan yang diterbitkan pada 11 Jun 2021 menggariskan cadangan penambahbaikan keperluan pengawalseliaan yang perlu dipatuhi oleh pengeluar e-wang yang diluluskan (<i>e-money issuers</i>, EMI). • Keperluan yang dicadangkan bertujuan untuk memastikan keselamatan dan kebolehpercayaan e-wang yang dikeluarkan oleh EMI supaya dapat mengekalkan keyakinan pelanggan dan peniaga bagi menerima e-wang untuk pembayaran barangan dan perkhidmatan. • Tumpuan utama Draf Dedahan ini termasuk: - o Keperluan dana modal minimum yang dikenakan ke atas EMI mengikut kadar selaras dengan saiz operasi mereka; - o Cadangan pengecualian daripada keperluan kebenaran diberikan kepada EMI bertujuan terhad; - o Keperluan yang lebih ketat berhubung dengan perlindungan dana pelanggan; dan - o Keperluan kehematan yang ditambah baik seperti tadbir urus dan pengurusan risiko operasi. • Draf Dedahan ini diterbitkan untuk maklum balas hingga 31 Julai 2021.

Sorotan dasar lain pada suku kedua 2021

Dokumen Dasar berhubung dengan Pelan Strategik Korporat IKP	• Dokumen Dasar ini menetapkan keperluan terhadap institusi kewangan pembangunan (IKP) untuk membentuk pelan strategi korporat yang menyeluruh dan bersepadu yang merangkumi rancangan perniagaan dan keperluan dana mereka. • Pelan strategik ini bertujuan untuk meningkatkan tumpuan IKP terhadap hasil dan mandat pembangunan mereka, disokong oleh pengenalanpastian dan pengukuran yang jelas tentang ‘tambahan’ (<i>additionalities</i>) (ditakrifkan sebagai kesan positif yang disebabkan oleh IKP melebihi kesan yang dihasilkan di bawah persekitaran yang didorong oleh keuntungan semata-mata). • Dokumen Dasar ini diterbitkan pada 27 Mei 2021.
Kertas Perbincangan tentang Kadar Rujukan Alternatif dan Hala Tuju Strategik KLIBOR dan KLIRR untuk Pasaran Kewangan Malaysia	• Kertas Perbincangan ini diterbitkan pada 19 Mei 2021 untuk mendapatkan maklum balas tentang rangka kerja, reka bentuk dan ciri-ciri yang berkaitan dengan pembangunan Kadar Rujukan Alternatif (Alternative Reference Rate, ARR), potensi penambahbaikan Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur (Kuala Lumpur Interbank Offered Rate, KLIBOR) serta semakan terhadap Kadar Rujukan Islam Kuala Lumpur (Kuala Lumpur Islamic Reference Rate, KLIRR). • Kertas Perbincangan ini menggariskan cadangan ciri-ciri ARR berdasarkan transaksi, cadangan penambahbaikan dan pelan sandaran untuk KLIBOR, serta hala tuju masa depan KLIRR. • Kertas Perbincangan ini dihasilkan daripada perbincangan dengan Jawatankuasa Pasaran Kewangan dan diterbitkan untuk maklum balas hingga 18 Jun 2021.
Perubahan Iklim dan Taksonomi Berasaskan Prinsip	• Dokumen ini dihasilkan dengan kerjasama Jawatankuasa Kecil Pengurusan Risiko di bawah Jawatankuasa Bersama Mengenai Perubahan Iklim (Joint Committee on Climate Change, JC3). Dokumen ini memperkenalkan taksonomi berasaskan prinsip bagi menilai dan mengelaskan kegiatan ekonomi berdasarkan tahap pencapaian matlamat iklim dan penggalakan peralihan kepada ekonomi rendah karbon serta tahap kesan kegiatan tersebut terhadap alam sekitar. Taksonomi ini memudahkan pengelasan dan pelaporan dedahan berkaitan iklim yang standard oleh institusi kewangan bagi menyokong penilaian risiko, penzahiran kewangan berkaitan risiko iklim dan aliran kewangan ke arah menyokong matlamat iklim. • Pengelasan yang standard membahagikan kegiatan ekonomi kepada 3 kumpulan besar berdasarkan 5 prinsip panduan yang merangkumi mitigasi perubahan iklim, adaptasi perubahan iklim, kegiatan yang tidak menyebabkan kesan buruk kepada alam sekitar, usaha pemulihan bagi menggalakkan peralihan, dan kegiatan terlarang: - o Menyokong Iklim – Kegiatan yang memberikan impak positif kepada perubahan iklim dan tidak memberikan kesan buruk yang ketara kepada alam sekitar; - o Peralihan – Kegiatan yang menyebabkan kesan buruk yang ketara kepada alam sekitar, namun usaha pemulihan dilaksanakan untuk mengurangkan kesan buruk; dan - o Di Bawah Pemantauan – Kegiatan yang menyebabkan kesan buruk yang ketara kepada alam sekitar dan usaha pemulihan tidak dilaksanakan untuk mengurangkan kesan buruk. • Pendekatan berasaskan prinsip mempertimbangkan perniagaan yang mempunyai status peralihan yang pelbagai ke arah amalan lestari dan menggalakkan usaha untuk mencapai peralihan ekonomi yang teratur dalam memenuhi matlamat iklim. • Dokumen ini diterbitkan pada 30 April 2021.

Tinjauan Makroekonomi

Sorotan

- Pertumbuhan global dijangka bertambah baik pada tahun 2021, tetapi pada kadar yang tidak sekata merentas negara.
- Prospek pertumbuhan ekonomi Malaysia terjejas akibat pelaksanaan semula langkah-langkah pembendungan di seluruh negara.
- Inflasi keseluruhan diunjurkan menjadi sederhana pada tempoh terdekat apabila kesan asas daripada harga bahan api luput.

Prospek ekonomi global terus berbeza-beza pada tahun 2021

Dalam *World Economic Outlook* bulan Julai, Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) telah mengekalkan unjuran pertumbuhan global bagi tahun 2021 pada kadar 6.0%, berbanding dengan unjuran dalam *World Economic Outlook* bulan April. Meskipun prospek pertumbuhan global secara keseluruhan kekal tidak berubah, unjuran pertumbuhan bagi ekonomi maju dan ekonomi sedang pesat membangun telah disemak semula. Kenaikan unjuran pertumbuhan bagi ekonomi maju telah diimbangi oleh penurunan unjuran pertumbuhan bagi ekonomi sedang pesat membangun. Hal ini mencerminkan perkembangan pandemik terutamanya berkaitan dengan kadar pemberian vaksin, serta perbezaan dari tahap sokongan dasar dan ketersediaan ruang dasar.

Dengan kadar pemberian vaksin yang lebih tinggi, ekonomi maju dijangka berupaya menangani penularan semula jangkitan COVID-19 dengan langkah-langkah pembendungan yang lebih longgar secara relatif. Keadaan ini, bersama-sama dengan permintaan dalam negeri yang bertambah baik, akan menyokong momentum pemulihan bagi ekonomi maju pada separuh kedua tahun 2021.

Bagi ekonomi sedang pesat membangun, risiko gangguan terhadap aktiviti dalam negeri susulan penularan semula jangkitan COVID-19 adalah lebih tinggi. Hal ini disebabkan oleh kadar pemberian vaksin yang lebih perlahan. Di samping itu, ekonomi sedang pesat membangun mempunyai ruang dasar yang terhad, sekali gus mengurangkan tahap akomodasi dasar untuk mengimbangi sebarang kejutan akibat penularan semula COVID-19.

Imbangan risiko kekal cenderung ke arah pertumbuhan yang perlahan, dengan kebimbangan terhadap COVID-19 terus menjadi punca utama risiko pertumbuhan yang lebih perlahan. Risiko utama ini berkaitan dengan penularan varian baharu yang membimbangkan yang mungkin mendorong kepada pelaksanaan semula langkah-langkah pembendungan bagi mengekalkan keupayaan penjagaan kesihatan, berikutan tahap keberkesanan vaksin yang lebih rendah untuk menentang varian yang lebih terkini. Walau bagaimanapun, potensi terhadap pertumbuhan yang lebih pantas boleh berpunca daripada perkembangan pemberian vaksin yang lebih cepat daripada jangkaan dalam ekonomi sedang pesat membangun, dan rangsangan fiskal selanjutnya, terutamanya dalam ekonomi maju.

Kadar pemulihan ekonomi Malaysia terjejas berikutan penularan semula kes COVID-19

Ekonomi Malaysia secara keseluruhan berada pada landasan yang betul untuk kembali pulih pada tahun 2021 berbanding dengan tahun sebelumnya. Namun, penularan semula kes COVID-19 telah menyebabkan perlunya pelaksanaan semula langkah-langkah pembendungan di seluruh negara, yang menjejaskan pertumbuhan. Walau bagaimanapun, sebahagian daripada kesannya dapat dikurangkan berikutan kebenaran yang diberikan kepada sektor ekonomi perlu (*essential economic sectors*) untuk terus beroperasi, serta kemampuan yang lebih tinggi untuk menyesuaikan diri dengan bekerja dari jarak jauh, di samping bertambahnya penggunaan automasi dan pendigitalan. Pertumbuhan akan terus disokong oleh langkah-langkah dasar, yang akan memberikan sokongan aliran tunai, terutamanya kepada isi rumah dan perniagaan yang mudah terjejas. Pada masa hadapan, pemulihan ekonomi akan disokong oleh permintaan luaran yang lebih tinggi, serta permintaan dalam negeri yang meningkat secara beransur-ansur. Perkembangan pesat dalam program pemberian vaksin di seluruh negara akan

membolehkan sektor ekonomi dibuka secara beransur-ansur, dan meningkatkan sentimen isi rumah dan perniagaan.

Berlatarkan perkembangan ini, ekonomi Malaysia diunjurkan berkembang antara 3.0 hingga 4.0% pada tahun 2021, namun kadar pemulihan dijangka tidak sekata merentas sektor. Pemulihan ini dijangka menjadi semakin cepat menjelang tahun 2022, disokong oleh kegiatan ekonomi yang kembali normal, serta kesan limpahan yang positif daripada keadaan permintaan luaran yang terus bertambah baik.

Imbangan risiko kekal cenderung ke arah pertumbuhan yang lebih perlahan, berpunca terutamanya daripada faktor yang berkaitan dengan pandemik, seperti penangguhan dalam pelonggaran langkah-langkah pembendungan atau pelaksanaan langkah-langkah pembendungan yang lebih ketat, dan pemulihan pertumbuhan global yang lebih lemah daripada jangkaan.

Inflasi keseluruhan diunjurkan menjadi sederhana pada tempoh terdekat

Sejajar dengan penilaian sebelum ini, inflasi keseluruhan telah melonjak pada suku kedua tahun 2021 disebabkan terutamanya oleh kesan asas daripada harga bahan api. Lonjakan ini bersifat sementara dan inflasi keseluruhan dijangka menjadi sederhana pada tempoh terdekat apabila kesan asas ini luput.

Bagi tahun 2021 secara keseluruhan, purata inflasi keseluruhan diunjurkan antara 2.0% hingga 3.0%.¹² Walaupun masih terdapat tekanan kos daripada harga komoditi global dan gangguan bekalan yang bersifat idiosinkratik, semua tekanan ini dinilai hanya sebagai faktor sementara. Inflasi asas, seperti yang diukur oleh inflasi teras, dijangka kekal rendah dengan purata antara 0.5% hingga 1.5% pada tahun 2021, dalam keadaan lebihan kapasiti yang berterusan dalam ekonomi.

¹² Julat unjuran ini mengambil kira inflasi keseluruhan yang diunjurkan berpurata lebih hampir dengan batas bawah dalam julat unjuran sebelum ini.

Prospek Pertumbuhan Malaysia Tahun 2021: Senario Dasar dan Senario Alternatif

Beberapa perkembangan penting yang berkaitan dengan keadaan pandemik COVID-19 telah berlaku sejak Bank menerbitkan unjuran pertumbuhan untuk tahun 2021. Semasa penerbitan Tinjauan Ekonomi dan Monetari 2020 pada bulan Mac tahun ini, pertumbuhan ekonomi diunjurkan pada kadar 6.0 hingga 7.5%. Memandangkan kes-kes COVID-19 dalam negeri berada pada tahap yang terkawal pada awal tahun ini, Kerajaan mengumumkan tindakan secara bersasar berdasarkan kawasan dan lokasi kelompok bagi membendung penularan setempat. Namun, penularan semula kes yang pantas sekitar bulan Mei 2021 mendorong kepada pelaksanaan langkah-langkah pembendungan secara menyeluruh, terutamanya Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Penuh mulai 1 Jun 2021¹. Langkah-langkah ini akan mengurangkan prospek pertumbuhan yang diunjurkan sebelum ini.

Rencana ini membincangkan senario dasar dan senario alternatif bagi prospek ekonomi, yang dibuat terutamanya berdasarkan perkembangan epidemik COVID-19 yang munasabah dan kesannya terhadap ekonomi Malaysia.

Perkembangan pandemik COVID-19 yang sangat tidak menentu terus menjadi cabaran utama kepada prospek ekonomi Malaysia jangka pendek

Ekonomi Malaysia meningkat semula daripada paras terendah pada suku kedua tahun 2020 berikutan pelaksanaan langkah-langkah pembendungan yang ketat dan kemelesetan global yang berlaku serentak. Walaupun ekonomi dalam negeri dijangka meneruskan trajektori pemulihannya pada tahun 2021, terdapat beberapa ketidakpastian yang boleh menjejaskan kadar pemulihan dan unjuran semasa untuk pertumbuhan dasar bagi Malaysia. Pertama, perkembangan wabak. Sejak awal tahun 2021, Malaysia telah mengalami beberapa episod pemulihan dan penularan semula. Kedua, kadar pemberian vaksin di bawah Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan di semua negeri dan keberkesanan program pemberian vaksin, yang akan dicerminkan menerusi kapasiti hospital-hospital negeri. Ketiga, ketidakpastian dasar dan kemajuan projek infrastruktur utama berikutan langkah-langkah pembendungan.


Memandangkan negeri-negeri sekarang ini berada dalam fasa PKP Penuh yang berlainan serta mempunyai kadar pemberian vaksin dan penggunaan unit rawatan rapi (*intensive care unit*, ICU) yang berbeza-beza (Rajah 1), negeri-negeri dijangka beralih ke fasa yang seterusnya pada waktu yang berlainan (Rajah 2). Beberapa andaian utama dibuat dalam unjuran dasar dan senario. Pertama, negeri-negeri yang telah beralih ke fasa yang lebih longgar tidak akan kembali ke fasa yang lebih ketat². Kedua, kadar pemberian vaksin yang pantas menyebabkan penggunaan ICU yang lebih rendah dijangka mempercepat pelonggaran langkah-langkah pembendungan. Namun, di negeri-negeri yang mempunyai kadar penggunaan ICU yang sedang berada pada tahap yang tinggi, peralihan ke fasa berikutnya mungkin memerlukan masa yang lebih panjang sedikit disebabkan oleh masa yang diambilkan sebelum kapasiti ICU bertambah. Ketiga, kadar pemberian vaksin yang perlahan akan menyebabkan tempoh yang lebih lama pada fasa semasa. Faktor-faktor ini akan mempengaruhi jangka masa fasa yang diandaikan di bawah unjuran dasar dan unjuran senario.

¹ Pelan Pemulihan Negara (National Recovery Plan, NRP) yang menggariskan pelaksanaan PKP Penuh merupakan strategi keluar empat fasa daripada epidemik COVID-19 di Malaysia. Pelan ini membenarkan ekonomi dibuka semula dengan selamat berdasarkan tiga penunjuk, iaitu kemasukan ke hospital bagi kes bergejala harian, keupayaan penjagaan kesihatan dan kadar pemberian vaksin. Fasa pertama merupakan fasa yang paling ketat dengan sekatan sangat rapi dilaksanakan ke atas sektor-sektor yang dibenarkan beroperasi dan pergerakan orang ramai. Fasa ini diikuti oleh pelonggaran secara berperingkat pada fasa kedua, ketiga dan keempat (Sumber: Ucapan YAB Perdana Menteri "Pelan Pemulihan Negara: Peralihan Fasa PKP Secara Berperingkat", 15 Jun 2021 dan "Kemudahan-kemudahan Bagi Individu Yang Telah Menerima Vaksinasi Lengkap", 8 Ogos 2021).

² "States transitioned to Phase Two NRP will not revert to Phase One", Bernama, 14 Julai 2021

R1

Penggunaan ICU dan Kadar Pemberian Vaksin Mengikut Negeri



¹ Merujuk bahagian kepada KDNK pada tahun 2020

Nota: Penggunaan ICU dan kadar pemberian vaksin merujuk purata 7 hari antara 3 hingga 9 Ogos 2021

Sumber: Jawatankuasa Petugas Khas Imunisasi COVID-19, Kementerian Kesihatan Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

R2

Andaian Hala Tuju Peralihan Dasar untuk Tahap Penggunaan ICU dan Kadar Pemberian Vaksin yang Berbeza-beza

Penggunaan ICU semasa	Kepantasan kadar pemberian vaksin semasa	Andaian Hala Tuju Peralihan
Rendah	Cepat	Peralihan yang lebih cepat dan lebih awal ke Fasa 4
Rendah	Perlahan	Tempoh peralihan ke fasa-fasa berikutnya akan menjadi lebih pendek seiring dengan peningkatan kadar pemberian vaksin
Tinggi	Cepat	1. Peralihan secara berperingkat ke fasa seterusnya seiring dengan kestabilan dan pengurangan dalam penggunaan ICU
Tinggi	Perlahan	2. Tempoh peralihan ke fasa-fasa berikutnya akan menjadi lebih pantas seiring dengan kemajuan pemberian vaksin dan penggunaan ICU

Sumber: Jawatankuasa Petugas Khas Imunisasi COVID-19, Kementerian Kesihatan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Pertumbuhan ekonomi Malaysia diunjurkan berkembang pada kadar 3.0 hingga 4.0% pada tahun 2021 berdasarkan unjuran dasar

Unjuran dasar telah disemak semula daripada 6.0 hingga 7.5% sebelum ini kepada 3.0 hingga 4.0% pada tahun 2021 disebabkan terutamanya oleh kesan langkah-langkah pembendungan. Walau bagaimanapun, pertumbuhan Malaysia dijangka terus berada pada landasan pemulihan, disokong oleh permintaan luaran yang lebih kukuh, kemajuan yang lebih cepat dalam kadar pemberian vaksin dan sokongan dasar bersasar yang berterusan untuk isi rumah dan perniagaan. Prospek ini juga memberikan andaian bahawa semua sektor ekonomi akan dibuka semula di seluruh negara, iaitu semua negeri akan beralih ke Fasa 4 Pelan Pemulihan Negara (National Recovery Program, NRP) menjelang bulan November tahun ini³ (Rajah 3). Prospek ini adalah berdasarkan paras ambang kadar pemberian vaksin di bawah NRP, dengan vaksin sedia ada berkesan menghalang varian yang wujud, lantas menyebabkan penggunaan ICU yang lebih rendah.

Memandangkan ketidakpastian yang ketara berhubung dengan keadaan epidemik ini, senario alternatif yang dihuraikan di bawah memberikan gambaran tambahan tentang kesan perkembangan berkaitan COVID-19 terhadap pertumbuhan Malaysia pada tahun 2021.

Pembukaan semula ekonomi yang lebih cepat daripada jangkaan boleh menghasilkan pertumbuhan yang lebih kukuh pada tahun 2021

Senario pemulihan yang lebih cepat mengandaikan pembukaan semula ekonomi dan pelonggaran sekatan pergerakan yang lebih awal daripada jangkaan. Berbanding dengan senario dasar, semua negeri di Malaysia akan beralih ke Fasa 4 NRP lebih awal, iaitu menjelang bulan September 2021 (Rajah 3). Senario ini mengandaikan pelaksanaan program pemberian vaksin yang lebih cepat susulan peningkatan kadar pemberian vaksin dan pengambilan vaksin yang lebih tinggi di seluruh negara (termasuk dalam kalangan belia). Sama seperti senario dasar, vaksin yang ada sekarang ini diandaikan berkesan untuk menghalang varian yang wujud lantas mengurangkan tekanan ke atas sistem penjagaan kesihatan.

Melalui pelonggaran langkah-langkah pembendungan yang lebih awal, keadaan pasaran tenaga kerja secara keseluruhan diunjurkan pulih pada kadar yang lebih cepat, dengan pengambilan pekerja yang meningkat dan pertumbuhan pendapatan yang bertambah baik. Hal ini menyumbang kepada pemulihan keyakinan pengguna yang lebih cepat daripada jangkaan. Apabila sekatan dilonggarkan, kesan daripada pemulihan pasaran tenaga kerja dan sentimen yang bertambah baik akan menghasilkan keadaan permintaan yang lebih kukuh daripada jangkaan. Khususnya, simpanan isi rumah secara keseluruhan telah meningkat sejak tahun lalu, sebahagiannya disebabkan oleh peningkatan simpanan berjaga-jaga (*precautionary savings*), dan juga isi rumah tidak dapat berbelanja untuk barangan budi bicara (*discretionary items*). Barangan ini termasuk perkhidmatan yang berhubung rapat dengan pelanggan (*high-touch services*) seperti restoran, hotel dan aktiviti rekreasi. Apabila sekatan dilonggarkan, kesan daripada potensi permintaan terpendam (*pent-up demand*) mungkin berlaku kerana sesetengah isi rumah kini boleh berbelanja untuk perkhidmatan terpilih ini, lantas memberikan sokongan yang positif kepada pertumbuhan. Sebagai contoh, perbelanjaan pengguna meningkat pada bulan Disember 2020 berikutan pelonggaran sekatan makan di premis dan perjalanan merentas negeri. Hal ini dapat dilihat melalui pertumbuhan bulanan dalam Indeks Perdagangan Runcit sebanyak 4.6% pada bulan itu (pertumbuhan bulanan purata Oktober hingga November 2020: 1.0%) dan kadar penghunian hotel purata yang lebih tinggi (36.2%; purata Oktober-November 2020: 25.2%). Dalam senario pemulihan yang lebih cepat ini, ekonomi Malaysia dijangka pulih lebih kukuh pada tahun 2021.

³ Di bawah Fasa 4 NRP, semua sektor ekonomi dibenarkan beroperasi dengan beberapa sekatan dilaksanakan ke atas aktiviti sosial. Perjalanan merentas negeri dan pelancongan dalam negeri juga akan dibenarkan, tertakluk pada Prosedur Operasi Standard yang ketat (Sumber: Ucapan YAB Perdana Menteri "Pelan Pemulihan Negara: Peralihan Fasa PKP Secara Berperingkat", 15 Jun 2021).

Krisis kesihatan yang berpanjangan boleh menyebabkan prospek pertumbuhan yang lebih lemah

Senario pemulihan yang lebih perlahan mengandaikan penangguhan pembukaan semula ekonomi kerana kelewatan menangani epidemik berikutan kadar pemberian vaksin yang berkurang, sebahagiannya disebabkan oleh pengambilan vaksin yang semakin perlahan. Hal ini menyebabkan sebahagian besar jumlah penduduk hanya akan menerima vaksin sepenuhnya menjelang awal tahun 2022 (Rajah 3). Tambahan lagi, keberkesanan vaksin yang sedia ada terhadap jenis virus yang baharu adalah lebih rendah. Perkembangan ini akan menyebabkan sistem penjagaan kesihatan terus terbeban oleh kadar penggunaan ICU yang tinggi, yang mengakibatkan kelewatan kesan perkembangan positif pemberian vaksin terhadap krisis kesihatan dan ekonomi di Malaysia. Berbanding dengan senario dasar, keadaan pasaran tenaga kerja akan pulih pada kadar yang lebih perlahan. Dalam senario pemulihan yang lebih perlahan ini, langkah-langkah pembendungan yang berpanjangan adalah perlu dan dijangka menjejaskan kegiatan ekonomi.

R3

Andaian mengenai parameter berkaitan COVID-19 di bawah senario dasar dan senario alternatif

	Pemulihan Lebih Cepat	Senario Dasar	Pemulihan Lebih Perlahan
Sebahagian besar jumlah penduduk divaksin sepenuhnya	Pada akhir Oktober 2021	Pada akhir tahun 2021	Menjelang awal tahun 2022
Keberkesanan vaksin sedia ada terhadap varian yang wujud	Berkesan	Berkesan	Keberkesanan lebih rendah terhadap strain virus baharu
Langkah-langkah pembendungan di seluruh negara	Langkah-langkah pembendungan yang ketat dilonggarkan menjelang bulan September 2021	Langkah-langkah pembendungan yang ketat dilonggarkan menjelang November 2021	Langkah-langkah pembendungan yang ketat berlarutan sehingga awal tahun 2022

Sumber: Jawatankuasa Petugas Khas Imunisasi COVID-19, Kementerian Kesihatan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Ketidakpastian mengenai faktor-faktor yang menyokong prospek ekonomi Malaysia boleh menghasilkan prospek pertumbuhan yang berbeza

Senario alternatif ini mengambil kira prospek ekonomi Malaysia yang tidak pasti berikutan perkembangan pandemik COVID-19. Kesan ekonomi dalam senario dasar dan senario alternatif menjadi panduan bagi prospek pertumbuhan pada tahun 2021.

Tambahan



	Bahagian 2020 (%)	2020					2021	
		S1	S2	S3	S4	Tahun	S1	S2
		Pertumbuhan tahunan (%)						
Permintaan Dalam Negeri Agregat (tidak termasuk stok)	93.8	3.7	-18.8	-3.3	-4.5	-5.8	-1.0	12.3
Sektor swasta	75.2	4.9	-20.4	-4.0	-4.0	-6.0	-0.9	13.0
Penggunaan	59.5	6.7	-18.5	-2.1	-3.5	-4.3	-1.5	11.6
Pelaburan	15.7	-1.1	-26.1	-10.8	-6.6	-11.9	1.3	17.4
Sektor awam	18.6	-1.8	-11.1	0.1	-5.7	-4.7	-1.5	9.7
Penggunaan	13.4	4.9	2.2	6.8	2.4	3.9	5.9	9.0
Pelaburan	5.2	-14.4	-40.1	-13.1	-20.4	-21.3	-18.6	12.0
Eksport Bersih	6.5	-36.8	-37.9	19.2	10.0	-13.0	0.8	34.3
Eksport Barangan dan Perkhidmatan	61.5	-7.2	-21.7	-4.9	-2.1	-8.9	11.9	37.4
Import Barangan dan Perkhidmatan	55.0	-2.7	-19.7	-7.9	-3.3	-8.4	13.0	37.6
KDNK Benar	100.0	0.7	-17.2	-2.7	-3.4	-5.6	-0.5	16.1
KDNK (pertumbuhan suku tahunan terlaras secara bermusim)	-	-0.5	-16.1	17.3	-1.5	-	2.7	-2.0

Nota: Angka-angka tidak terjumlah disebabkan oleh penggenapan dan pengecualian stok.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

	Bahagian 2020 (%)	2020					2021	
		S1	S2	S3	S4	Tahun	S1	S2
		Pertumbuhan tahunan (%)						
Perkhidmatan	57.7	3.1	-16.2	-4.0	-4.8	-5.5	-2.3	13.4
Perkilangan	22.9	1.4	-18.3	3.3	3.0	-2.6	6.6	26.6
Pertanian	7.4	-8.6	0.9	-0.3	-1.0	-2.2	0.2	-1.5
Perlombongan	6.8	-2.9	-20.8	-7.8	-10.4	-10.6	-5.0	13.9
Pembinaan	4.0	-7.9	-44.5	-12.4	-13.9	-19.4	-10.4	40.3
KDNK Benar	100.0	0.7	-17.2	-2.7	-3.4	-5.6	-0.5	16.1

Nota: Angka-angka tidak terjumlah disebabkan oleh penggenapan dan pengecualian komponen duti import

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

	2020		2021		
	S2	ST1	S1	S2	ST1
	RM bilion				
Akaun Semasa	7.7	16.5	12.3	14.4	26.7
(% daripada KDNK)	2.5	2.5	3.3	3.9	3.6
Barangan	25.8	54.7	36.6	40.7	77.3
Perkhidmatan	-12.4	-20.0	-15.0	-15.4	-30.4
Pendapatan primer	-3.8	-11.0	-5.7	-9.5	-15.2
Pendapatan sekunder	-1.9	-7.1	-3.6	-1.4	-5.0
Akaun Kewangan	-21.7	-34.9	16.0	-7.0	9.0
Pelaburan langsung	-0.6	3.3	1.4	4.2	5.6
Aset	-0.9	-1.9	-9.1	-8.7	-17.8
Liabiliti	0.4	5.3	10.5	12.9	23.4
Pelaburan portfolio	20.6	-20.8	0.4	20.0	20.3
Aset	-3.1	-18.7	-14.2	-10.6	-24.8
Liabiliti	23.7	-2.1	14.6	30.5	45.2
Derivatif kewangan	-0.6	1.9	0.3	-0.6	-0.4
Pelaburan lain	-41.1	-19.3	13.9	-30.5	-16.6
Kesilapan dan ketinggalan bersih ²	7.7	3.4	-10.9	-2.6	-13.6
Imbangan Keseluruhan	6.4	-15.0	17.1	4.7	21.8

Aset: (-) menunjukkan aliran keluar disebabkan oleh pemerolehan aset di luar negeri oleh pemastautin.

Liabiliti: (+) menunjukkan aliran masuk disebabkan oleh liabiliti asing.

¹ Mengikut Edisi Keenam Manual Imbangan Pembayaran dan Kedudukan Pelaburan Antarabangsa (BPM6) oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).

² Mulai S1 2018, kesilapan dan ketinggalan bersih tidak termasuk perubahan hasil daripada penilaian semula nilai rizab antarabangsa. Amalan ini terpakai untuk siri belakang hingga S1 2010.

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

	2020	2021	
	akhir Jun	akhir Mac	akhir Jun
	RM bilion		
Jumlah hutang luar negeri	1,000.1	1,039.7	1,020.7
<i>Bersamaan USD bilion</i>	231.1	247.9	245.7
Mengikut instrumen			
Bon dan nota ¹	185.8	174.8	196.8
Peminjaman antara bank ¹	223.9	227.8	187.6
Pinjaman antara syarikat berkaitan ¹	134.3	129.4	129.9
Pinjaman ¹	79.3	77.0	75.2
Pemegangan sekuriti hutang domestik oleh bukan pemastautin	196.1	236.4	244.8
Deposit bukan pemastautin	97.7	100.1	93.5
Lain-lain ²	82.9	94.0	92.8
Profil tempoh matang			
Jangka sederhana dan panjang	587.2	607.3	634.9
Jangka pendek	412.9	432.3	385.8
Denominasi mata wang			
Ringgit	304.6	348.9	358.2
Asing	695.5	690.8	662.5
Jumlah hutang / KDNK (%)	69.0	73.2	68.5
Hutang jangka pendek / Jumlah hutang (%)	41.3	41.6	37.8
Rizab / Hutang jangka pendek (kali)	1.1	1.0	1.2 ³

¹ Instrumen hutang terkandung dalam peminjaman luar pesisir.

² Terdiri daripada kredit perdagangan, peruntukan SDR IMF dan liabiliti hutang lain.

³ Berdasarkan rizab antarabangsa pada 30 Julai 2021.

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

	2020		2021			2020		2021		
	S2	ST1	S1	S2	ST1	S2	ST1	S1	S2	ST1
	Perubahan dalam tempoh (RM bilion)					Pertumbuhan tahunan (%)				
Jumlah pembiayaan bersih	21.5	47.1	33.6	15.9	49.5	3.7	3.7	4.7	4.4	4.4
Terkumpul:										
Pinjaman ^{1,2}	19.5	32.6	24.5	7.4	31.8	4.1	4.1	4.3	3.6	3.6
Perusahaan perniagaan	5.4	13.7	13.2	3.5	16.6	3.9	3.9	1.6	1.3	1.3
PKS ³	10.8	13.2	3.9	0.0	3.9	-2.1	-2.1	10.0	6.0	6.0
Bukan PKS	-5.4	0.5	9.3	3.4	12.7	8.8	8.8	-4.3	-2.2	-2.2
Isi rumah	11.4	12.0	7.8	4.3	12.1	3.7	3.7	6.0	5.3	5.3
Bon korporat ⁴	2.0	14.5	9.2	8.5	17.7	2.5	2.5	5.9	6.9	6.9

¹ Pinjaman daripada sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP).

² Termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas.

³ Sebahagiannya mencerminkan pengelasan semula daripada PKS kepada bukan PKS yang telah dilakukan oleh institusi kewangan. Antara bulan Januari 2018 hingga bulan Disember 2019, jumlah bersih sebanyak RM60.4 bilion daripada pinjaman terkumpul PKS dikelaskan semula sebagai pinjaman terkumpul bukan PKS. Sebanyak RM38.3 bilion telah dikelaskan semula pada suku keempat 2019.

⁴ Tidak termasuk terbitan oleh Cagamas dan bukan pemastautin.

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

	2020		2021			2020		2021		
	S2	ST1	S1	S2	ST1	S2	ST1	S1	S2	ST1
	Pada tempoh (RM bilion)					Pertumbuhan tahunan (%)				
Jumlah										
Permohonan pinjaman ¹	168.1	365.1	220.6	243.2	463.8	-26.5	-13.7	11.9	44.7	27.0
Kelulusan pinjaman ¹	66.6	153.5	89.9	98.7	188.6	-39.3	-23.5	3.5	48.1	22.9
Pengeluaran pinjaman ²	262.7	578.0	361.2	357.2	718.4	-16.1	-8.0	14.5	36.0	24.3
Bayaran balik pinjaman ²	255.3	575.2	355.9	366.4	722.3	-19.2	-9.6	11.3	43.5	25.6
Antaranya:										
Perusahaan perniagaan³										
Permohonan pinjaman	96.5	189.0	80.7	91.3	172.1	-7.6	0.1	-12.7	-5.4	-8.9
Kelulusan pinjaman	41.8	83.3	35.6	38.8	74.4	-20.2	-11.0	-14.1	-7.2	-10.6
Pengeluaran pinjaman	205.3	431.1	267.4	274.3	541.7	-7.4	-3.0	18.5	33.6	25.7
Bayaran balik pinjaman	200.8	421.0	258.8	276.6	535.4	-10.8	-7.0	17.5	37.7	27.2
PKS⁴										
Permohonan pinjaman	47.7	95.2	39.4	47.0	86.4	-2.0	2.8	-16.9	-1.6	-9.2
Kelulusan pinjaman	15.0	29.1	15.2	17.7	32.9	-10.3	-9.3	7.1	18.5	13.0
Pengeluaran pinjaman	56.3	119.8	77.6	76.3	153.9	-26.2	-21.2	22.2	35.5	28.5
Bayaran balik pinjaman	51.1	117.0	73.7	77.4	151.1	-33.1	-23.7	11.9	51.4	29.2
Bukan PKS³										
Permohonan pinjaman	48.8	93.8	41.3	44.4	85.7	-12.5	-2.5	-8.2	-9.0	-8.6
Kelulusan pinjaman	26.9	54.2	20.4	21.1	41.5	-24.8	-11.8	-25.2	-21.5	-23.3
Pengeluaran pinjaman	149.0	311.3	189.8	198.0	387.8	2.5	6.5	17.0	32.9	24.6
Bayaran balik pinjaman	149.7	304.0	185.1	199.2	384.3	0.7	1.5	19.9	33.1	26.4
Isi Rumah										
Permohonan pinjaman	71.5	176.2	139.9	151.8	291.7	-42.4	-24.8	33.7	112.2	65.6
Kelulusan pinjaman	24.8	70.3	54.4	59.8	114.2	-56.8	-34.4	19.6	141.4	62.5
Pengeluaran pinjaman	57.3	146.9	93.8	82.8	176.7	-37.4	-20.1	4.7	44.5	20.2
Bayaran balik pinjaman	54.5	154.2	97.1	89.8	186.9	-40.0	-16.1	-2.5	64.7	21.2

¹ Permohonan dan kelulusan pinjaman bagi semua segmen merujuk data sistem perbankan sahaja.

² Pengeluaran dan bayaran balik pinjaman bagi semua segmen merujuk data sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP). Berkuat kuasa 1 April 2020, suatu moratorium telah dilaksanakan secara automatik untuk bayaran balik pinjaman / pembiayaan oleh peminjam isi rumah dan PKS untuk tempoh enam bulan.

³ Termasuk institusi kewangan bukan bank domestik, institusi kewangan domestik, kerajaan, entiti domestik lain dan entiti asing.

⁴ Sebahagiannya mencerminkan pengelasan semula daripada PKS kepada bukan PKS yang telah dilakukan oleh institusi kewangan.

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

	2020				2021	
	S1	S2	S3	S4 ³	S1	S2 ^a
Pulangan atas ekuiti (%)	10.4	10.0	9.8	9.2	8.5	10.7
Pulangan atas aset (%)	1.2	1.2	1.1	1.1	1.0	1.2
	RM juta					
Pendapatan faedah bersih	12,696	10,060	13,516	13,903	14,175	14,630
Campur: Pendapatan berasaskan fi	2,583	2,308	2,851	3,154	3,190	2,837
Tolak: Kos operasi ¹	8,607	8,189	8,460	8,828	11,442	9,004
Keuntungan operasi kasar	6,672	4,178	7,906	8,229	5,922	8,463
Tolak: Peruntukan jejas nilai ² dan lain-lain ³	2,763	2,401	3,275	5,930	1,544	1,987
Keuntungan operasi kasar selepas peruntukan ³	3,908	1,777	4,631	2,299	4,378	6,476
Campur: Pendapatan lain	4,643	6,242	3,602	3,944	2,884	4,708
Untung sebelum cukai³	8,552	8,019	8,233	6,244	7,262	11,183
	Pertumbuhan tahunan (%)					
Pulangan atas ekuiti (mata peratusan)	-1.1	-3.0	-3.1	-3.8	-1.9	0.7
Pulangan atas aset (mata peratusan)	-0.12	-0.32	-0.33	-0.42	-0.22	0.08
Pendapatan faedah bersih	2.1	-16.2	6.4	6.0	11.6	45.4
Campur: Pendapatan berasaskan fi	1.3	-11.9	6.8	-2.5	23.5	22.9
Tolak: Kos operasi ¹	2.7	-2.8	-1.9	-3.5	32.9	9.9
Keuntungan operasi kasar	1.1	-32.7	17.2	14.3	-11.2	102.5
Tolak: Peruntukan jejas nilai ² dan lain-lain ³	1,583.6	645.4	299.4	15,627.1 ⁴	-44.1	-17.3
Keuntungan operasi kasar selepas peruntukan ³	-39.3	-69.8	-21.8	-67.9	12.0	264.5
Campur: Pendapatan lain	82.2	13.4	-16.3	6.8	-37.9	-24.6
Untung sebelum cukai³	-4.8	-29.6	-19.5	-42.5	-15.1	39.5

¹ Merujuk kos kakitangan dan overhead.

² Merujuk Jangkaan Kerugian Kredit untuk 12 Bulan, Jangkaan Kerugian Kredit Seumur Hidup yang Tidak Terjejas Kredit dan Jangkaan Kerugian Kredit Seumur Hidup yang Terjejas Kredit berdasarkan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia 9 (MFRS 9).

³ Mencerminkan penghantaran semula oleh institusi kewangan berikutan pelarasan audit.

⁴ Mencerminkan i) peningkatan yang ketara dalam peruntukan berjaga-jaga (*precautionary provisions*) yang dipegang oleh bank-bank berikutan prospek ekonomi yang terus tidak menentu; dan ii) kesan asas daripada kos kredit pada suku keempat tahun 2019 yang nyata lebih rendah disebabkan oleh tulis balik (*writebacks*) dan pemulihan pinjaman (*recoveries*) yang lebih tinggi. Nisbah pinjaman terjejas bersih (pinjaman terjejas selepas ditolak peruntukan) secara amnya kekal tidak berubah berbanding dengan tahun sebelumnya pada 1.0%, manakala nisbah jumlah peruntukan kepada jumlah pinjaman meningkat kepada 1.7% pada bulan Disember 2020 (Disember 2019: 1.2%). Sila rujuk Sorotan dan Perangkaan Bulanan BNM untuk butiran lanjut.

^a Awalan

Sumber: Bank Negara Malaysia

	2020				2021	
	S1	S2	S3	S4	S1	S2 ^a
	RM juta					
Insurans Hayat & Takaful Keluarga						
Lebih pendapatan berbanding perbelanjaan	-11,617	16,360	8,022	9,313	-630	4,323
Insurans Am & Takaful Am						
Keuntungan operasi	545	1,154	764	912	710	1,076
Nisbah tuntutan (%)	59	52	56	52	55	51
	Pertumbuhan tahunan (%)					
Insurans Hayat & Takaful Keluarga						
Lebih pendapatan berbanding perbelanjaan	-235.7	105.9	111.4	141.3	94.6	-73.6
Insurans Am & Takaful Am						
Keuntungan operasi	-23.8	70.4	-2.7	25.0	30.2	-6.7
Nisbah tuntutan (mata peratusan)	2.5	-9.5	-3.4	-6.3	-4.7	-1.6

^a Awalan

Sumber: Bank Negara Malaysia

	2020		2021 ^a		
	S2	ST1	S1	S2	ST1
	RM bilion				
Hasil	56.4	101.8	49.5	56.9	106.4
<i>Pertumbuhan tahunan (%)</i>	-9.0	-19.1	9.3	0.8	4.6
Perbelanjaan mengurus	51.9	114.0	62.2	55.2	117.4
<i>Pertumbuhan tahunan (%)</i>	-20.5	-8.6	0.2	6.2	2.9
Akaun semasa	4.5	-12.3	-12.7	1.7	-10.9
Perbelanjaan pembangunan bersih	7.0	17.8	15.3	12.7	27.9
<i>Pertumbuhan tahunan (%)</i>	-41.2	-24.0	41.6	80.7	57.0
Kumpulan Wang COVID-19 ²	22.1	22.7	9.1	9.3	18.4
Imbangan keseluruhan	-24.6	-52.7	-37.1	-20.3	-57.3
Memo:					
Jumlah perbelanjaan bersih	81.1	154.5	86.6	77.1	163.7
<i>Pertumbuhan tahunan (%)</i>	5.0	4.3	17.9	-4.9	6.0
Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan (pada akhir tempoh)	854.1	854.1	917.5	958.4	958.4
Hutang Dalam Negeri	649.2	649.2	671.9	698.5	698.5
Hutang Luar Negeri	204.8	204.8	245.6	259.9	259.9
<i>Pemegangan hutang Kerajaan Persekutuan dalam denominasi RM oleh bukan pemastautin</i>	179.8	179.8	222.2	231.5	231.5
<i>Peminjaman luar pesisir</i>	25.1	25.1	23.4	28.4	28.4

^a Awalan

Nota:

¹ Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

² Kumpulan wang khas yang ditubuhkan di bawah Rang Undang-Undang Langkah-Langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020 untuk membiayai pakej rangsangan ekonomi dan rancangan pemulihan.

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia